

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 35

Hari Selasa

28 Julai

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998 (Ruangan)

USUL-USUL:

- Usul Di Bawah Peraturan Mesyuarat 14(2) (Ruangan)
- Usul Perdana Menteri Di Bawah Peraturan Mesyuarat 78(2) (Ruangan)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

UCAPAN PENANGGUHAN:

- Ke Arah Fungsi PEMADAM Yang Berkesan
Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] (Ruangan)
- Parlimen dan Kerajaan Tidak Membenarkan Lawatan Rasmi oleh
 Inter-Parliamentary Union ke atas Penceroohan Hak Asasi Manusia
 Ahli-ahli Parlimen Malaysia.
- Y.B. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka] (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DEWAN RAKYAT

Selasa, 28 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**KEGAWATAN EKONOMI -
TINDAKAN TERHADAP PEMEGANG KAD KREDIT**

1. **Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani]** minta Menteri Kewangan menyatakan akibat kegawatan ekonomi, berapakah bilangan pemegang kad kredit yang tidak dapat membayar hutang mereka, dan nyatakan bentuk tindakan yang diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab Yang Berhormat dari Sungai Petani bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Muar yang dijadualkan akan dijawab pada 29 Julai kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengumpul maklumat mengenai bilangan pemegang kad yang tidak berbayar hutang mereka. Walau bagaimanapun jumlah hutang kredit yang tertunggak melebihi 3 bulan iaitu pada bulan Mac 1998 - RM546.7 juta berbanding dengan bulan Mac 1997 - RM353.9 juta iaitu telah bertambah dalam jangka masa yang sama RM212.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang sewajarnya boleh diambil oleh institusi-institusi kewangan perbankan termasuklah tindakan undang-undang

terhadap pemegang kad kredit yang tidak membayar hutang mereka. Setakat bulan Mac 1998 terdapat sebanyak RM2,228,453 kad kredit yang berada di dalam edaran yang dimiliki oleh 2,002,102 orang pemegang kad di Malaysia. Kerajaan menyedari bahawa penggunaan kad kredit yang tidak terkawal boleh menyumbangkan kepada peningkatan kadar inflasi. Dalam hal ini objektif penggunaan kad kredit sebenarnya hanya bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pemegang kad dalam melakukan transaksi pembayaran dengan cara yang lebih selamat dan bukannya untuk mendapatkan access kepada kredit pengguna secara mudah. Sebagai alternatif kepada kad kredit usaha kini sedang dilakukan untuk menggalakkan penggunaan kad kredit sebagai satu kaedah bayaran. Di bawah sistem ini akaun pelanggan di bank akan didebitkan serta merta setiap pembelian dilakukan. Dengan cara ini ia akan menggalakkan pemegang kad untuk berbelanja berdasarkan kemampuan masing-masing. Kad-kad kredit yang di dalam edaran di negara ini ialah kad kredit Visa, kad kredit Master Card dan Exec Card.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum keadaan kegawatan kita dapati bahawa institusi kewangan sanggup menawarkan ataupun menambahkan had maksimum atau credit limit, dengan izin kepada pengguna kad kredit walaupun tidak dipohon oleh kerana bank menggalakkan penggunaan kad untuk mengaut keuntungan daripada faedah yang digunakan oleh pemegang kad kredit. Akibat daripada kegawatan kita dapati setiap rakyat juga tertekan akibat pemotongan gaji dan lain-lain. Jadi, soalan saya adakah kementerian setuju sekiranya institusi kewangan memberi kelonggaran kepada pemegang kad kredit yang sebelum ini banyak memberi keuntungan kepada institusi kewangan tersebut daripada mereka terus mengambil tindakan undang-undang yang mungkin akan memburukkan lagi keadaan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu kemudahan yang diberikan kepada pengguna kad. Sebenarnya kalau disalahgunakan kad ini memang akan menimbulkan masalah beban tunggakan. Sebenarnya syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan satu-satu kad kredit itu ialah yang pertama, perlunya pendapatan maksimum bulannya sebanyak RM2,000 ataupun RM24,000 setahun ataupun mempunyai simpanan tetap berjumlah RM50,000 jika jumlah pendapatan kurang daripada amaun di atas ini. Jadi ini merupakan satu syarat yang dikenakan untuk memastikan supaya seseorang pemegang kad itu dapat membayar tunggakannya. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memanglah timbul juga.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tidak beberapa lama dahulu kerajaan telah mengenakan RM50.00 untuk mendapatkan kad kredit atau apabila seseorang memperbaharunya. Adakah apabila ia dikenakan objektif yang diinginkan oleh kerajaan telah dicapai dengan mengenakan RM50.00 kepada setiap kad kredit yang dikeluarkan. Apakah objektif-objektif yang tidak tercapai walaupun RM50.00 telah dikenakan dan mengenai faedah yang dikenakan oleh syarikat-syarikat kad kredit ini - adakah ia terkawal kerana faedah-faedah yang dikenakan adalah lebih daripada 18% setahun.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak mempunyai rekod sama ada ia telah mencapai objektif dengan mengenakan RM50.00 seorang jika satu kad dipegang oleh pengguna. Saya akan cuba mengutip dan memungut butiran untuk memastikan sama ada objektif itu tercapai ataupun tidak. Mengikut syarat-syarat kadar faedah itu adalah mengikut cara biasa dan itu adalah berdasarkan kepada kadar faedah tahunan dan tidaklah seperti yang dikatakan 18% setahun.

**INDAH WATER KONSORTIUM (IWK) -
HASIL YANG DIPUNGUT DAN BAYARAN CAJ**

2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan segala rancangan loji pembersihan najis dan rangkaian yang telah dibina oleh pihak Indah Water Konsortium (IWK) mengikut negeri-negeri:

- (a) berapa hasil yang telah dipungut oleh pihak IWK dari premis kediaman, komersial dan industri sejak 1 Januari 1997; dan
- (b) apakah masalah-masalah tertimbul tentang penjelasan bayaran caj IWK.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan loji rawatan kumbahan dan rangkaian pemetungan awam yang telah dibina oleh IWK mengikut negeri adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Tempat</u>	<u>Jumlah Projek</u>
Kedah	Langkawi	3
Perak	Bandar Ipoh	1
Selangor	Kelana Jaya/Bandar Sunway, Petaling Jaya	2
Kuala Lumpur		3
Negeri Sembilan	Bandar Seremban	2
Sabah	Labuan	2

Bagi negeri-negeri lain pelaksanaan projek-projek oleh IWK adalah di dalam peringkat perancangan dan akan dilaksanakan selanjutnya. Sepanjang tahun tempoh Januari 1997 hingga Jun 1998 pungutan oleh IWK berjumlah RM76.579 juta dan daripada jumlah ini RM4.52 juta adalah daripada sektor komersial, RM1.13 juta adalah di sektor kerajaan, RM4.86 juta daripada sektor industri dan RM22.05 juta daripada sektor domestik. Masalah utama dihadapi oleh pihak IWK dalam penjelasan caj pemetungan adalah keengganan pengguna membuat bayaran

dan ketiadaan mekanisme bagi mengambil tindakan terhadap pihak pengguna yang tidak membayar.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab sebentar tadi. Kita tahu bahawa IWK telah banyak menimbulkan bermacam-macam persoalan dan bantahan. Saya ingin tahu dari segi prinsip, moral dan perundangannya sesuatu obligasi pembayaran hanya patut dikenakan kepada suatu persetujuan berbentuk kontrak melalui lisan ataupun bertulis ataupun secara kolektif dan sebagainya. Apakah justifikasi dan rasionalnya tentang levi ataupun bayaran yang dikenakan ke atas orang-orang yang tidak langsung mendapat hubungan kait dengan aktiviti IWK tetapi dikenakan bayaran.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta Yang Berhormat jelaskan apakah yang tidak berkaitan dengan IWK. Apakah maksudnya?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai contoh biasanya dahulu ramai orang membuat rumah banglo, dalam pembinaan rumah itu dia telah ada septic tank di mana dijangka boleh digunakan seratus tahun tetapi apabila adanya IWK dengan tidak semena-mena dan tidak ada hubungan kaitnya cara pemetungan, cara berpusat dan sebagainya dicantumkan tetapi mereka terpaksa membayar dengan begitu banyak sekali. Walhal kalau dahulunya kalau ada berlaku sesuatu blockages dan sebagainya hanya panggil untuk sedutan dan bayaran untuk sedutan sahaja. Bagaimana rasionalnya dan saya menyampaikan ini kerana banyak soalan dibangkitkan oleh rakyat - inilah dia pokoknya. Apa justifikasi rasionalnya IWK mengenakan sesuatu pembayaran yang mana tidak ada kena mengena dengan perkhidmatan IWK.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pokoknya ini macam, [*Ketawa*] macam ini, minta maaf. Kita punya justifikasi adalah kalau tidak ada servis yang diberikan oleh pihak IWK, maka tuan rumah itu tidak perlu bayar apa-apa. Kalau ada servis ditunjukkan atau ditawarkan oleh pihak IWK barulah IWK boleh memberikan satu bil kepada pelanggan itu. Itulah prinsip yang kita amalkan supaya tidak ada kekeliruan lagi terhadap pihak IWK antara servis atau bil-bil yang dikenakan pada pelanggan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai hutang sejumlah RM76 juta. Bukan sahaja daripada sektor komersial dan domestik tetapi pihak kerajaan sendiri. Bukankah ini oleh kerana kadar IWK sewerage terlalu tinggi dan tidak munasabah dan bagaimana kerajaan akan menyelesaikan masalah ini. Adakah kerajaan bercadang bahawa RM76 juta ini dihapuskan atau adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan recommendation Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam Laporan National Economic Recovery Plan (NERP) bahawa kerajaan tempatan patut memberi satu rebate untuk pengguna-pengguna daripada assessment rate mereka atas prinsip tidak ada sesiapa pengguna bayar untuk satu perkhidmatan dua kali.

Prinsip ini sudah diterima oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan adakah akan dikeluarkan satu panduan untuk semua kerajaan-kerajaan tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengadakan satu rebate untuk pengguna-pengguna daripada assessment rate atas kos sewerage ini. Ini adalah cadangan NERP dan adakah cadangan ini diterima oleh kementerian yang berkenaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa perkara ini begini, saya jawab tadi pungutan adalah RM76 juta bukan ‘hutang’ tetapi ‘pungutan’. Apa yang IWK telah terima bayaran daripada pelanggannya.

Total bayaran RM76 million, dengan izin. Yang tidak dapat dipungut - angka yang spesifik saya tidak ada di sini tetapi saya ingin jelaskan di sini yang hutang itu pihak IWK cuba dalam urusannya memungutnya atau cuba meminta pihak pelanggan membayar. Mengenai jenis tindakan yang harus diambil saya rasa Yang Berhormat sendiri sedarlah. Pihak IWK boleh memilih sama ada tidak memberi perkhidmatan kepada mereka yang tidak bayar atau meneruskan perkhidmatan dan akhirnya pembayaran ini kalau tidak dibayar saman di mahkamah. Tentang apa yang dicadangkan oleh pihak NERP ini saya rasa kita boleh timbangkan kerana ini memang satu dasar yang boleh pihak kerajaan sama ada kita mengadakan satu cara bil yang adil, yang tidak membebankan rakyat dan sama ada ini boleh kita beri rebate, kita akan mengkaji di masa akan datang.

SISTEM PENDIDIKAN - SEBAB UTAMA DAN PERMOHONAN YANG DITERIMA

3. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak kementerian sedar bahawa kini terdapat dua sistem pendidikan di Malaysia iaitu STPM dan Kursus Pra-Universiti atau Kursus Matrikulasi:

- (a) apakah sebab utama untuk mengadakan dua sistem pendidikan STPM dan Kursus Pra-Universiti atau Matrikulasi; dan
- (b) berapakah permohonan yang diterima oleh pihak universiti untuk kursus Pra-Universiti/Matrikulasi untuk setiap universiti.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:

- (a) kelas-kelas Tingkatan Enam yang menawarkan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelas-kelas matrikulasi bertujuan menyediakan pelajar-pelajar memasuki pengajian

peringkat ijazah pertama di universiti-universiti. Perlu ditegaskan bahawa program matrikulasi diwujudkan untuk mengimbangi bilangan pelajar-pelajar bumiputera dalam bidang-bidang yang berasaskan sains dan teknologi serta bidang-bidang profesional yang lain; dan

- (b) pada tahun ini bilangan permohonan yang diterima bagi kursus matrikulasi adalah sebanyak 110,040 permohonan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar boleh membuat lima pilihan dalam borang permohonan mengikuti kursus matrikulasi di IPTA. Oleh yang demikian bilangan permohonan untuk memasuki IPTA bukan mengikut setiap universiti. Pertimbangan adalah diberikan kepada pilihan pertama kursus dan universiti yang dipilih oleh pelajar dalam borang permohonan. Sekiranya tidak sesuai disebabkan oleh pencapaian yang tidak memenuhi syarat atau bilangan tempat yang terhad pelajar akan diberi pertimbangan untuk pilihan seterusnya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pada tahun hadapan kita telah dimaklumkan melalui kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri. Kursus-kursus matrikulasi tidak akan diadakan lagi di kampus-kampus universiti. Secara positifnya adakah kualiti kelas-kelas matrikulasi yang akan diadakan di sekolah-sekolah menengah ini yang akan dikendalikan oleh guru-guru biasa tetapi tidak lagi oleh pensyarah-pensyarah universiti akan dapat mempertahankan mutu dan tahap kecemerlangan untuk memasuki tahun pertama di universiti berkenaan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kementerian telah memutuskan bahawa kelas matrikulasi akan berpindah daripada dikendalikan oleh kampus-kampus universiti tetapi pemindahan ini dibuat secara berperingkat-peringkat. Tidaklah mulai pada tahun

hadapan tetapi bagi satu masa yang akan datang. Sebagai gantiannya beberapa pusat matrikulasi bermula dengan empat pusat matrikulasi utama akan dibina yang dapat menampung 12,000 orang pelajar. Pihak MARA telah dipersetujui mengendalikan kelas-kelas matrikulasi dengan pengambilan sebanyak 9,000 dan bagi bilangan tenaga pengajarnya kemungkinan besar kita akan cantumkan tenaga pengajar daripada pihak universiti yang mengendalikan kursus matrikulasi selama ini dan tenaga pengajar yang datang daripada Kementerian Pendidikan. Jadi, dengan ini maka mutu pendidikan akan tetap dipertahankan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sedar bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri kebanyakannya adalah munasabah. Walau bagaimanapun, pernah Yang Berhormat bangkitkan masalah junior college untuk menyelesaikan masalah seumpama ini. Apakah dasar kerajaan sekarang mengenai kolej seumpama ini dan juga cara-cara untuk memastikan semua kursus tersebut adalah dalam tahap atau standard yang diperlukan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat matrikulasi yang akan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan akan menggunakan kurikulum ala 'junior college' iaitu pusat-pusat matrikulasi ini bukan semata-mata dicadang untuk menyediakan bilangan untuk dijuruskan dalam bidang sains dan teknologi sahaja tetapi penumpuan akan diberikan kepada usaha menjana pemimpin iaitu kursus-kursus memupuk kebolehan memimpin di kalangan para pelajar akan diberi keutamaan tinggi dalam kurikulum baru yang sedang kita rancang.

4. **Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sedar tentang kejadian di mana seorang rakyat asing telah mengaku bersalah kerana memiliki kad pengenalan palsu tetapi telah dibebaskan pula oleh Mahkamah Majistret di Kota Kinabalu baru-baru ini kerana pihak Jabatan Pendaftaran Negara gagal bekerjasama memberi pengesahan kad pengenalan palsu yang dimiliki oleh rakyat asing itu dan apakah tindakan susulan yang akan diambil berikutan dengan kejadian itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak dapat mengetahui kes yang dimaksudkan oleh soalan ini. Oleh kerana kes ini juga merupakan kes yang agak spesifik kementerian bersedia untuk membincangkan kes ini dengan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran untuk mencari penyelesaian kepada kes ini di luar Dewan. Bagaimanapun ingin saya nyatakan di dalam Dewan ini bahawa mereka yang terlibat dengan pemalsuan dokumen perjalanan, passport dan kad pengenalan boleh diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh kerana dia mengancam keselamatan negara.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu amat memeranjatkan bukan sahaja kita di Dewan ini bahkan seluruh negara. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengakui bahawa ini adalah masalah yang boleh mengancam keselamatan negara tetapi di sebaliknya beliau mengajak pula Ahli Parlimen Tuaran berbincang secara peribadi di luar Dewan [*Ketawa*]. Jadi ini adalah satu perkara yang tidak seharusnya berlaku.

Persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah sudah menjadi amalan Parliamentary Democracy di dalam negara kita ini supaya sesuatu perkara yang amat mustahak dirunding di luar Dewan dan bukan dikemukakan di dalam Dewan pula [*Tepuk*]. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin berbincang dengan saya di luar Dewan, bolehkah Yang Berhormat memberi peluang kepada saya

untuk berucap kepada pihak media sebagai bersoal jawab di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mengatakan yang saya hendak bincangkan kes ini di luar Dewan. Tetapi apa yang saya sebut ialah kita tidak dapat mengesan kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi kalau ada mereka yang menggunakan, memalsukan kad pengenalan ataupun dokumen perjalanan, kita boleh melawat Kamunting dan Yang Berhormat boleh melihat mereka sendiri di Kamunting. Ini bermakna kerajaan tegas bahawa mereka yang terlibat memalsukan dokumen perjalanan, kad pengenalan kita akan ambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana mengancam keselamatan negara. Apa yang saya tidak dapat kesan ini ialah kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sepatutnya Ahli Yang Berhormat memasukkan dalam soalan ini apakah kesnya, di mana kes itu berlaku, mahkamah mana dan majistret mana, hari apa, tahun berapa?

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat soalan tambahan iaitu adakah kerajaan sedar bahawa rakyat asing yang memiliki kad pengenalan palsu ini menggunakan juga untuk mendaftar diri sebagai pengundi....

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: ... perkara ini berlaku pada pemilihan pilihanraya kecil Arau baru-baru ini di mana pihak kami telah pun mengesan beberapa orang yang kami rasa bukan rakyat Malaysia. Kami telah serahkan kepada Polis dan didapati bahawa pemegang kad pengenalan itu adalah pemegang kad pengenalan yang palsu.

Soalan yang saya ingin kemukakan di sini, apakah kerajaan sedar bahawa terdapat di sana sindiket-sindiket yang memalsukan kad pengenalan ini dan tindakan-tindakan apakah selain daripada yang dibawa ke Kemunting itu yang

harus diambil yang lebih ketat lagi yang perlu dikenakan, kerana saya bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ini adalah merupakan ancaman kepada keselamatan dalam negara kita. Lebih-lebih lagi apabila yang sindiket ini dilakukan oleh orang-orang yang menyokong kerajaan itu sendiri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sudahlah, duduklah! Baru menang sudah bohong.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam statistik-statistik pendatang asing, pada bulan Februari yang lalu ada dalam satu minggu 5,000 pendatang asing mendarat di Malaysia. Tetapi oleh kerana ketegasan pihak berkuasa dan juga pihak keselamatan, kita telah membawa tekong-tekong ini ke mahkamah. Ada yang kena denda, ada yang kena penjara dan ada juga yang kena sebat. Mereka yang kita tidak mempunyai bukti yang cukup, kita ambil tindakan di bawah ISA. Hari ini kita dapati pendaratan pendatang asing di negara kita begitu berkurangan sekali. Saya ingin beri jaminan kepada Yang Berhormat kalau ada kes yang spesifik bawa kepada kementerian dan kita akan ambil tindakan yang tegas.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak tahu jangan cakaplah, cakap benda tahu sahaja!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sudah cukup, bertenang ya.

PROMOSI BARANGAN MALAYSIA – PERANAN MITI DAN MATRADE

5. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Dalam Negeri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah peranan yang boleh dimainkan oleh agensi MITI seperti MATRADE di dalam mempromosikan barangan

keluaran negara di negara-negara yang bukan rakan dagang Malaysia; dan

- (b) adakah barangan eksport Malaysia berjaya menembusi pasaran di negara-negara yang bukan rakan dagang kita setakat tahun 1998.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan,

- (a) Malaysia berdagang dengan hampir kesemua negara di dunia. Negara kita juga berada di kalangan 20 buah negara perdagangan yang paling aktif di dunia. Selaras dengan itu, kerajaan mengiktiraf pasaran-pasaran baru dan sedang membangun sama pentingnya dengan pasaran tradisional. Strategi dan pendekatan yang digunakan bagi mempertingkatkan eksport barangan negara ke pasaran-pasaran tersebut perlulah mengambil kira dan mengikut kesesuaian serta kehendak pasaran setempat. Antara perkara yang penting yang boleh membantu syarikat-syarikat Malaysia meneroka dan memperluaskan pasaran di peringkat global, terutama sekali bagi pasaran-pasaran baru dan sedang membangun ialah maklumat pasaran. Oleh itu, MATRADE telah diberi tanggungjawab memberi maklumat yang terkini dan tepat mengenai sesuatu pasaran bukan sahaja memperjelaskan tentang peluang-peluang yang wujud, tetapi disertai dengan maklumat yang lengkap mengenai syarat-syarat dan peraturan-peraturan perdagangan yang mesti dipatuhi.

Di samping itu, MATRADE telah mengambil peranan dalam menerajui program dan perkhidmatan bagi mempromosikan barangan keluaran negara bagi pasaran-pasaran baru dan sedang membangun. Tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah:

- (i) menganjurkan misi fact finding, dengan izin, negara-negara yang dikenal pasti sebagai pasaran baru atau sedang membangun;
- (ii) menjalankan kajian pasaran barangan Malaysia yang telah dikenal pasti untuk dieksport ke sesebuah negara;
- (iii) mengatur misi perdagangan dan pelaburan untuk memperkenalkan keluaran Malaysia ke pasaran antarabangsa sebagai langkah susulan kepada pertemuan awal yang dibuat;
- (iv) menguruskan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di beberapa pameran perdagangan antarabangsa setiap tahun;
- (v) memproses pertanyaan-pertanyaan mengenai hasil keluaran negara yang dikumpul oleh Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negara;
- (vi) mengendali pelawat-pelawat perdagangan dari luar negara sama ada dalam bentuk delegasi perdagangan atau secara individu untuk berbincang dengan para pengeluar dan pengeksport Malaysia; dan
- (vii) mengelolakan bengkel dan seminar untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada para pengeluar

dan pengekspor Malaysia mengenai aspek-aspek perdagangan antarabangsa seperti isu-isu berkaitan GSP, WTO dan piawaian keluaran.

- (b) Malaysia telah berjaya meningkatkan perdagangan dua halanya dengan beberapa buah negara yang diklasifikasikan sebagai pasaran baru dan sedang membangun. Sebagai contoh, pada akhir 1998 negara Malta telah mencatat kedudukan ke-36 sebagai rakan dagangan terpenting Malaysia berbanding dengan kedudukan ke-92 dalam tahun 1997. Republik Yaman di kedudukan ke-51 berbanding ke-61 sebelumnya, dan Qatar kedudukan ke-57 berbanding ke-70. Beberapa buah negara lain telah turut menunjukkan peningkatan perdagangan dengan Malaysia seperti Slovenia, Azerbaijan, Nepal dan Republik Zaire.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam memperhebatkan lagi dagangan antarabangsa Malaysia kepada rakan-rakan baru di luar negara, apakah masalah yang dihadapi terutama sekali di bidang kualiti, standard, piawaian dan spesifikasi barang-barang keluaran Malaysia. Oleh kerana pada satu ketika dahulu kalau kita hendak hantar barang makanan di Jepun umpamanya tidak diterima oleh kerana bacterial content barang makanan kita berlebihan dan packaging benda itu tidak menepati spesifikasi yang tertentu. Jadi, apakah masalah-masalah yang besar dihadapi negara kita untuk kegunaan biasa ataupun barang makanan?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, secara menyeluruh dari segi kualiti dan standard barangan keluaran Malaysia adalah menepati kehendak spesifikasi antarabangsa. Tetapi kadang-kadang ada negara yang menggunakan kualiti dan spesifikasi dengan tujuan untuk

mewujudkan non tariff barriers. Bermakna, oleh kerana barangan keluaran Malaysia boleh bersaing di peringkat pasaran domestik negara tersebut, maka had-had barriers tertentu digunakan, termasuklah dari segi kualiti amat stringent yang merupakan salah satu daripada non tariff barriers yang boleh digunakan oleh negara-negara tersebut untuk menyekat barangan Malaysia masuk ke dalam pasaran domestik mereka. Tetapi secara menyeluruh barangan kita terkenal sebagai satu keluaran yang mempunyai kualiti yang baik.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau orang Kedah menjawab pakai slanga Kedah, kalau orang Pahang pakai slanga Pahang. Pendang tahu slanga Kedah. Kalau Kelantan slanga Kelantan.

Dengan kedudukan nilai wang sekarang ini, mungkin kita kadang-kadang melihat ini sebagai satu perkara yang negatif. Tetapi boleh dianggapkan sebagai satu yang positif dari segi mengeksport kerana nilai wang kita lebih kompetitif. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, insya-Allah. Dengan kompetitifnya wang kita ini, adakah kementerian melihat satu pertambahan atau peningkatan eksport barang-barang kita. Kerana nilai wang kita turun, adakah bertambah cara visible export kita. Itu yang pertama. Yang kedua, boleh saya sebut sedikit, dengan usaha yang dibuat oleh MITI sekarang ini untuk meningkat pertambahan, bagaimana dengan pengurangan kos dari segi perbelanjaan untuk mempromosikan barangan eksport kita. Adakah ini memberi kesan negatif kepada usaha-usaha MITI untuk meningkatkan eksport negara kita?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kejatuhan nilai mata wang, secara harga memang barangan keluaran Malaysia lebih kompetitif kalau dibandingkan pada masa-masa yang lalu. Oleh kerana barangan keluaran Malaysia kalau dibandingkan dengan pertukaran Dolar Amerika telah pun menjadi rendah dan kalau dibandingkan secara antara harga,

maka dari satu produk daripada negara Malaysia dan satu produk di mana wangnya tidak terlibat dengan kegawatan ekonomi, maka harganya lebih kompetitif kalau dibandingkan dengan wang negara tersebut. Ini telah menyebabkan bahawa eksport negara Malaysia turut meningkat. Kita tahu dari segi statistik kita mempunyai kelebihan dagangan antarabangsa yang begitu memberangsangkan.

Keduanya, dari segi.....mana tadi? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Potongan kos pentadbiran kementerian. Katanya ada cawangan MATRADE atau MIDA hendak ditutup.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang memikirkan untuk mengurangkan kos pengendalian MATRADE, iaitu dengan mengurangkan tiga buah pejabat di seluruh dunia. Kita kurangkan dari segi kos tetapi kita tingkatkan efisiensinya. Maksudnya, apabila kita tutup sesebuah pejabat, pejabat yang berdekatan dengan pejabat tersebut akan mengambil alih fungsi pejabat tersebut dan efisiensinya ditingkatkan. Ini tentu sekali akan mengurangkan kos pengendalian MATRADE dan kos promosi barangan Malaysia.

BERITA SALAH LAKU PEGAWAI TINGGI FELCRA – KEBENARAN

6. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa terdapat berita salah laku berkaitan pelaburan di luar negara telah dilakukan oleh pegawai tinggi FELCRA Bhd. Sekiranya berita ini benar, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian, dan semenjak FELCRA Bhd. dicorporatisekan, sejauh mana syarikat ini benar-benar dapat membantu masyarakat luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat masih lagi dalam siasatan pihak Badan Pencegah Rasuah.

Sungguhpun FELCRA dikorporatkan mulai 1 September 1997 ia masih meneruskan fungsi asalnya berhubung dengan penyatuan dan pemulihan tanah bagi sesuatu kawasan atas permintaan pemilik-pemilik tanah atau kerajaan negeri. Di samping itu, FELCRA juga turut melaksanakan obligasi sosial yang meliputi pembangunan peserta, pembangunan keluarga dan pembangunan desa dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Strategi operasi FELCRA Bhd. adalah berasaskan pendekatan berimbang di antara pelaksanaan program obligasi sosial dengan program berorientasikan keuntungan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan ini dikatakan FELCRA telah membuat pelaburan di luar negara. Jadi, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tujuan kerajaan sebenarnya untuk membentuk FELCRA ini?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat betul-betul wakil rakyat di luar bandar, Yang Berhormat sendiri patut tahu apa peranan FELCRA sebenarnya. Jadi, saya percaya dia tidak serius dengan soalan yang dikemukakan itu. *[Ketawa]*

SIMPANAN DI BANK – LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN DAN KESELAMATAN

7. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah, sedang dan akan diambil bagi melindungi penyimpan wang (akaun semasa/simpanan) di bank agar tidak mengalami kehilangan/lesap wang sebagaimana yang banyak dilaporkan atau aduan dibuat oleh pihak mangsa berkaitan, sama ada akibat pengklonnan kad ATM ataupun pencerobohan data dan seumpamanya. Berapakah jumlah penjenayah telah didakwa di mahkamah dalam kes berkenaan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, dengan kerjasama pihak polis dan institusi perbankan, kes kehilangan wang akibat pengklonnan kad ATM telah dapat dikawal semenjak awal tahun ini. Kes berkaitan dengan pengeluaran wang

tanpa izin dengan ATM telah dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia dalam enam bulan pertama tahun 1998 ialah 688 kes melibatkan RM0.8 juta berbanding dengan 2,337 kes melibatkan RM3.8 juta dalam tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh institusi-institusi perbankan untuk memerangi pengklonan kad ATM. Ini termasuk pepadanan kod bahasa di antara kad ATM dengan kod di dalam sistem sebelum wang boleh dikeluarkan. Begitu juga dengan pelaksanaan penukaran pin yang diwajibkan untuk semua kad ATM di mana kad klon yang masih menggunakan pin lama tidak akan dapat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, semua pengarah dan pegawai institusi kewangan adalah dilarang di bawah Akta Bank dan institusi-institusi kewangan daripada mendedahkan sebarang maklumat berhubung dengan setiap pelanggannya. Pengecualian hanya akan diberi kepada mereka jikalau pelanggan berkenaan memberi persetujuan secara bertulis atau di mana maklumat ini diperlukan untuk tindakan mahkamah atau untuk menilai keutuhan pelanggan tersebut.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kes pengeluaran wang melalui ATM ini telah berkurangan. Masa-masa lalu bila ditanya, sebabnya berpunca dari pengguna sendiri, iaitu mendedah nombor rahsia dan sebagainya. Tetapi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebenarnya punca yang dikesan oleh kementerian memandangkan kes ini dapat dikurangkan daripada 2,000 kepada 600. Setakat ini berapa banyakkah kad-kad klon yang telah dikesan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menjamin wang pengguna yang disimpan melalui ATM.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini telah saya sebutkan tadi. Ini menunjukkan prestasi yang baik dengan kita memerangi masalah pengklonan ini. Walaupun begitu oleh kerana perkembangan teknologi yang begitu pesat sekali, juga rekaan yang dapat direka itu untuk kod-kod bahasa yang

digunakan dalam ATM ini mungkin dapat diatasi oleh orang-orang yang mempunyai motif yang jahat. Jadi, kerajaan ataupun Bank Negara Malaysia mengingatkan supaya orang ramai juga supaya berhati-hati semasa menggunakan kemudahan ATM seperti tidak membuang slip ATM dan juga berwaspada supaya semasa memasukkan pin di dalam mesin untuk mengelakkan ‘shoulder surfing’ di mana juga bank-bank memasang screen pada ATM untuk mengelakkan ‘shoulder surfing’.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah perbuatan pengklonan kad ATM ini melibatkan orang dalam, dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak menyedari sama ada ini melibatkan orang dalaman. Jadi, tidaklah ada maklumat yang lebih lanjut boleh saya beritahu.

JUALAN MAKANAN TIDAK HALAL – LANGKAH- LANGKAH MENGATASI

8. **Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kementerian sedar bahawa banyak bahan makanan seperti gula-gula getah dan coklat yang berada di pasaran mempunyai agar gelatin yang tidak halal dijual berleluasa di pasaran. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan ia tidak terus dibeli oleh umat Islam terutama kanak-kanak yang boleh membaca label pembungkus makanan berkaitan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar terdapat beberapa produk makanan yang menggunakan gelatin. Untuk memastikan semua makanan yang dijual, untuk kegunaan orang Islam adalah halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa menghubungi pengusaha-pengusaha makanan supaya memohon sijil halal. Begitu juga kerajaan dari semasa ke semasa akan memaklumkan kepada pengguna senarai barangan atau keluaran yang telah diberi

sijil halal. Kalau Yang Berhormat berjumpa gula-gula getah ataupun coklat yang dikatakan ada gelatin yang tidak halal, saya berharap supaya Yang Berhormat serahkan kepada pihak berkuasa Jabatan Agama ataupun JAKIM untuk disiasat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya, kadang-kadang kita didapati makanan-makanan, coklat-coklat dan sebagainya dicap tanda 'halal'. Adakah kementerian berusaha untuk mengkaji kembali bahawa benda-benda yang tidak melalui JAKIM untuk mendapat endorsment 'kehalalan', boleh kita capkan di makanan-makanan itu bahawa makanan ini tidak halal. Begitu juga dengan restoran-restoran yang kita masuk di hotel-hotel lima bintang. Kadang-kadang apabila kita masuk, kita didapati bahawa hotel itu akan menghidangkan juga makanan-makanan yang tidak halal. Jadi, adakah kerajaan juga bercadang untuk memastikan restoran-restoran yang tidak menghidangkan makanan-makanan halal ini dipamerkan 'tidak halal' dan makanan yang halal dipamerkan 'halal'. Jadi, tidak payahlah kita masuk dan bersubahat memakan benda-benda yang tidak halal.

Sebagai sebuah negara majmuk, sejauh manakah kerajaan Malaysia hari ini mengawal halal dan tidak halal ini jika dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain. Inilah dua soalan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Saya.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tambi, jangan main-main ya!

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Apa, Tambi? Saya hendak jawab yang ini, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya hendak konsentrasi kepada jawapan saya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk dalam bahasa Tamil]*

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Memang boleh dikatakan semua negara tidak mempunyai rakyat seratus peratus Islam. Ada yang majoriti Islam dan

bukan Islam. Termasuk juga negara kita Malaysia tidak terkecuali. Hanya separuh daripada penduduk kita adalah orang Islam dan bukan Islam, sudah tentu makanannya juga bermacam keadaan. Tetapi kalau kita tinjau di negara-negara lain, apatah lagi kalau negara itu bukan dikatakan negara Islam tetapi ada penduduk Islam, kadangkala makanan di negara tersebut langsung kita tidak boleh membezakan mana makanan halal dan haram. Tetapi alhamdulillah, negara kita boleh membezakan dan menentukan tempat tertentu mana makanan yang halal dan haram. Ada di antara negara Islam yang lain telah mengambil senarai makanan halal daripada negara kita untuk digunakan di negara mereka, dan mereka juga mengikut cara-cara yang kita menentukan makanan halal dan haram. Jadi, kita mesti akuilah bahawa negara kita ini di antara sebuah negara yang mengambil perhatian berat mengenai makanan halal dan haram.

Yang kedua, tanda 'halal' mantiknya, apabila kita tanda benda itu 'halal' maka halal. Tetapi ada benda yang kita tidak tanda 'halal' bererti itu tidak halal. Itu pada mantiknya. Tetapi pada keseluruhannya kita memang mengkehendaki supaya diasingkan. Yang penting kita menentukan tanda 'halal' itu dahulu, sebab ini bagi kita untuk menggunakan bagi makanan kita, sebab setakat ini kita belum lagi menandakan perkara-perkara yang tidak halal untuk membezakan supaya ditempatkan kesemuanya. Tetapi pada hakikatnya memanglah kita mengambil perhatian yang serius apabila satu kedai makan ataupun mana restoran untuk membuat makanan mesti kita periksa ataupun hendak menjual makanan mesti kita periksa bahan-bahan yang dikeluarkan. Pada hakikatnya apabila perkara-perkara itu tidak halal kita tidak benarkan dia membubuh tanda 'halal'. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Machang.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan mana, atas rang undang-undang tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila, sila.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Hanya untuk penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order apa?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan apa, ini bukan ministry.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Penjelasan berkenaan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tambi, poorah!

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:coklat dan gula getah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan apa, ini bukan menteri yang jawab.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah dia tanya soalan ini, menteri atau Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya mahu beri penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Sudah resign. Tidak jadi menteri lagikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kota Melaka.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: You tidak mahu, biarlah saya cakap.

Tuan Lim Guan Eng: Buat ministerial statement!

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bukan statement, ini penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kemungkinan apa yang dikatakan....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tidak boleh minta penjelasan?

Tuan Lim Guan Eng: Menteri tidak boleh minta penjelasan. Resign dahulu baru boleh minta penjelasan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai Kota Melaka!

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini!

Seorang Ahli: Mana boleh!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, coklat ini adalah dibuat daripada koko. Saya tidak tahu gula-gula getah adakah dibuat daripada getah asli. *[Ketawa]* Kedua-dua ada dalam kementerian saya, getah dan koko. *[Ketawa]* Jangan salahkan nama coklat. Saya mintalah, gula-gula getah adakah dibuat dari getah asli. Itu saya tanya penjelasan. *[Ketawa]* Saya mana tahu, coklat tidak dibuat dengan gelatin. Coklat Malaysia dibuat dengan koko Malaysia. Penjelasan menteri tanya Timbalan Menteri tahu ini gula-gula getah bukan dibuat dari getah asli. Itu sahaja. Nanti jangan....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dia sudah nyanyuk, lebih baik letak jawatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini, getah, coklat....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Eh, hormat orang tua sedikitlah!

Tuan Lim Guan Eng: Ini nyanyuk, lebih baik letak jawatan!

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Ini bukan bapa dan anak...

Tuan Lim Guan Eng: Ini letak jawatan lebih baik! Letak jawatan lebih baik!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Duduklah!

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Ini di bawah penjelasan apa ini? Penjelasan apa ini, Tuan Yang di-Pertua? Apa ini!

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Saya hendak jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Bolehkah saya dapat tahu...

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Point of order berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Soalan tambahan bolehlah dibuat oleh seorang menteri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Itu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Saya beri peluang kepada Setiausaha Parlimen.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah menteri sudah meletak jawatan, tidak jadi menteri lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tidak ada dalam peruntukan....

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini, di bawah point of order berapa?

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kota Melaka.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Saya jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tanya, point of order apa Yang Berhormat Menteri bangun?

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, saya telah beri dia peluang.

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini, main-main. Datang ke sini hendak main-main sahaja.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Saya hendak jawab.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, menteri adalah juga merupakan Ahli Parlimen. Dia berhak minta penjelasan daripada siapa sahaja dalam Parlimen ini. *[Ketawa]* Janganlah pembangkang sengaja hendak mencari peluang bagi menegakkan benang yang basah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang jawapan.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan jawapan getah.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tentang coklat tadi, saya tidak dapat pastikan sama ada getah asli ataupun tidak. Tetapi istilahnya apabila yang jelekit itu getahlah. *[Ketawa]* Sebab kalau kita makan coklat memang dia berjelekit macam getah. Sebab itulah kita katakan coklat getah. Tetapi selain daripada ia ada bahan yang lain dimasukkan. Begitu dengan coklat koko tadi, ia

ada bahan yang lain. Kadangkala dikatakan masuk arak dan sebagainya. Itu yang kadangkala meragukan kita, kadangkala dimasukkan gelatin dan sebagainya itu yang meragukan kita.

Tetapi gelatin ini ada dua keadaan. Kalau gelatin itu dibuat daripada binatang yang halal, gelatin itu menjadi halal. Kalau gelatin itu dibuat daripada binatang yang haram ia menjadi haram. Itu mantik yang mudah. Sebab itu kita mesti pastikan gelatin apa yang kita ambil itu sama ada daripada binatang yang halal ataupun daripada binatang yang haram. Saya berharap supaya pertengkaran tadi selesai di sini sahaja. Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat, DAP tidak boleh marah Presiden Gerakan, kerana selama ini dia dok tuduh Presiden Gerakan tidak masuk Dewan. Sekarang dia baru register hendak masuk Dewan. Sekarang dia ada. *[Ketawa]* DAP juga selama ini dok menuduh Presiden Gerakan tidak pernah masuk Dewan. Sekarang dia bangun. Sekarang orang tahu bahawa dia ada dalam Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingat Yang Berhormat sudah confuse, dia Presiden MCA, bukan Gerakan. Gerakan itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Gerakan itu tidur! Balik Kelantan cakaplah bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Cukup, Yang Berhormat. Rompin, Kota Melaka duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Di sini jangan tidurlah. MCA, Gerakan tidak datang langsung!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila, Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini tanggungjawab diletakkan kepada penjual untuk memohon tanda halal daripada pihak kerajaan. Jika permohonan diluluskan setelah ujian, maka tanda 'halal' itu dibenarkan. Apakah kerajaan berhasrat untuk memperundangan bahawa setiap barang terutamanya yang melibatkan umat Islam, di mana umat Islam selalu keluar masuk atau selalu beli dan sebagainya supaya suatu perundangan dibuat di mana tanggungjawab diletakkan ke atas penjual atau pengeluar supaya permohonan untuk halal-haram ini dibuat sebelum sesuatu barang itu dapat dikeluarkan?

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kebanyakan makanan yang dijual sebelum dia hendak menjual makanan, terutama sekali hendak mengatakan makanan itu halal mesti dia minta awal-awal lagi. Sebab itu kita akan menyiasat bahan-bahan yang akan dijadikan makanan untuk dijual, kemudian barulah kita luluskan supaya dia mengeluarkan barang itu dan diberikan tanda 'halal'. Ini memang kita lakukan sehingga sekarang, dia akan buat permohonan, dia kata hendak menjual barang untuk makanan orang Islam, bahan-bahan yang hendak dikeluarkan inilah. Kemudian pihak JAKIM ataupun Jabatan

Agama akan memeriksa tempat kilangnya dan bahan itu. Apabila bila didapati benda itu halal, kita akan terus benarkan mereka dan kita keluarkan logo 'halal'.

MEMBENDUNG GEJALA INFLASI

9. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kadar inflasi, indeks harga pengguna dan cara-cara untuk mengawal inflasi. Bagaimana keseimbangan diadakan untuk pembelian barang-barang tempatan dan import.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kadar inflasi negara berasaskan perubahan indeks harga pengguna yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ialah 5% bagi tempoh Januari hingga Jun 1998 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1997. Kerajaan mengawal inflasi melalui dasar-dasar kewangan, fiskal dan juga secara pentadbiran. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya berusaha membendung gejala inflasi melalui program penstabilan harga dan pendidikan pengguna serta peniaga seperti berikut:
 - (i) mengawal secara pentadbiran harga barang-barang keperluan asas seperti gula pasir putih, tepung gandum kegunaan am, bahan-bahan petroleum dan bahan-bahan binaan tertentu, roti, ayam dan sebagainya;
 - (ii) meminta kerjasama peniaga-peniaga supaya tidak menaikkan harga barang-barang perlu tanpa terlebih dahulu merujuk kepada kementerian;
 - (iii) mewajibkan penandaan harga pada barang-barang yang dipamerkan untuk jualan supaya pengguna boleh membuat perbandingan harga dan supaya perubahan aliran harga sesuatu barang mudah dikesani;
 - (iv) memantau aliran barang-barang kawalan bagi menentukan bekalan mencukupi dan mudah diperolehi serta tidak berlaku artificial

shortage yang menjurus kepada peningkatan permintaan dan kenaikan harga barang-barang berkenaan;

- (v) melaksanakan program pendidikan kepada pengguna dan peniaga melalui penganjuran seminar, dialog dan lain-lain perhubungan semuka serta melalui media cetak dan media elektronik – menekankan mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memerangi inflasi; dan
- (vi) mempertingkatkan pemeriksaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan apa jua bentuk penyelewengan dalam menjalankan perniagaan.

(b) Mengenai keseimbangan dalam pembelian barang-barang tempatan dan import, sejak negara kita mengalami kegawatan ekonomi akibat penurunan nilai Ringgit berbanding beberapa mata wang utama dunia, kerajaan telah menggalakkan rakyat membeli barangan buatan Malaysia dengan tujuan menjimatkan pertukaran asing. Pembelian barangan import hanya dibuat sekiranya barang buatan tempatan dan diperolehi dari sumber yang paling murah seperti dari negara-negara Indonesia dan Thailand yang turut terlibat dengan kegawatan ekonomi. Dengan itu, dalam suasana kegawatan sekarang, pembelian harus mengutamakan barang-barang tempatan agar menyumbang ke arah pemulihan segera ekonomi negara.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada kementerian Yang Berhormat membezakan kadar inflasi, indeks harga pengguna dan cara-cara untuk mengawal inflasi di bandar-bandar dan di luar bandar. Kalau ya, boleh Yang Berhormat sebutkan perbezaannya.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi yang saya sebutkan umpamanya 5% bagi tempoh Januari hingga Mei adalah bagi keseluruhan negara. Walau bagaimanapun, dalam mengumpulkan data ini pihak Jabatan Perangkaan membuat perkiraan berasingan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan selepas itu keseluruhannya. Barang-barang dan perkhidmatan yang dikira adalah bagi keseluruhan

negara dan puratanya adalah angka yang disebutkan sebagai IHP. Harga barang-barang dan perkhidmatan di bandar dan di luar bandar dicampurkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Soal Jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 10 hingga 69 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(2)

3.35 ptg.

Menteri Pertahanan [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 14(2) adalah dengan ini dikemukakan Usul bahawa Usul Perdana Menteri yang tertera sebagai nombor (7) di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.”

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa menurut Peruntukan Mesyuarat 14(2) adalah dengan ini dikemukakan Usul bahawa Usul Perdana Menteri yang tertera sebagai nombor (7) di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.”

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kita boleh dapat penjelasan, sekurang-kurangnya apa penjelasan, adakah kalau tidak negara akan runtuh atau darurat, kerajaan jatuh atau apa?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat dari Tanjong ini tidak baca langsung peraturan. Ini saya mengemukakan dan mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat, apabila kita kemukakan akan diadakan perbahasan kemudiannya.

Ini untuk membolehkan saya mengemukakan usul ini dan pindaannya telah dibentangkan di dalam usul ini. Baca betul-betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita akan ikut prosedur yang tertentu ya. [Sorak] Saya sambung, Yang Berhormat saya sambung. hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peruntukan Mesyuarat 14(2) adalah dengan ini dikemukakan Usul bahawa Usul Perdana Menteri yang tertera sebagai nombor (7) di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.”

USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 78(2)

3.37 ptg.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 78(2) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, adalah dengan ini dikemukakan Usul untuk meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat mengikut seperti cadangan yang dilampirkan bersama ini dan diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.”

Dato’ Seri Dr. Lim Kheng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.
Majlis Mesyuarat disambung semula

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Kedua Dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [27 Julai 1998]

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada perbahasan, dia kata ada perbahasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, diserahkan kepada Jawatankuasa Pemilihan.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada perbahasan pun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
.....selepas itu baru dikemukakan ke dalam Dewan.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu tetapi sebelum usul.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
...akan dibahaskan.

Tuan Lim Kit Siang:.....belum diluluskan dan perlu ada satu perbahasan sama ada kita mahu rujuk atau tidak mahu rujuk, itu satu usul yang biasa – perlu satu perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Adalah.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Yang Berhormat baca Peruntukan Peraturan 78(2). Dalam Peruntukan Peraturan 78(2), apabila.....

Tuan Lim Kit Siang: 78?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: (2) – bila kita bentangkan sahaja, it is deemed to be served iaitu diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan yang akan berbincang dan kemudiannya akan dibahas di dalam Dewan ini. Jadi, Jawatankuasa Peraturan kena membuat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong, perkara ini cukup jelas 78(2) ya, tidak ada perbahasan, hanya hendak disokong kemudian Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat akan bermesyuarat dan akan melaporkan kepada Dewan dan akan dibahaskan sesudah itu.

Seorang Ahli: Usul mesti ada perbahasan.

Seorang Ahli: KOKS.

Seorang Ahli: This emotion.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri kata, boleh dibahaskan, untuk usul tadi itu, sekarang kata tidak ada perbahasan, ini mislead the House, niat jahat tidak cekap, tidak jujur, tidak ikhlas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa macam Yang Berhormat Menteri ini?

Datuk Seri Syed Hamid bin Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir jangan buat tuduhan liar, Yang Berhormat. Yang Berhormat itu.....

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat kata boleh bahas.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Telinga tutup macam mana hendak mendengar?

Tuan Lim Kit Siang: Apa fasal tidak boleh dibahas?

Seorang Ahli: Mulut Celupar

Seorang Ahli: KOKS.

Tuan Lim Kit Siang: KOMM, KOAI.

Seorang Ahli: KOKS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong.....

Tuan Lim Kit Siang: Mahathir jatuh ataupun Anwar Ibrahim jatuh?

Seorang Ahli: KOKS.

Seorang Ahli: Kit Siang jatuh, Guan Eng jatuh, Kit Siang jatuh – KOKS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita berada di dalam Peraturan Mesyuarat. Cukup, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri, mana? KOMM atau KOAI – sokong siapa? [Ketawa]

Seorang Ahli: Dia marah!

Tuan Lim Kit Siang: Berdirilah. KOKS tidak apa tetapi KOMM atau KOAI?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: You tidak tahu apa you cakap.

Tuan Lim Kit Siang: KOKS tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Cukuplah, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh sokong KOKS tetapi sokong KOMM atau sokong KOAI?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Wah, kita sokong siapa? Dengan Yang Berhormatkah? *[Ketawa]* *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat, cukuplah. Yang Berhormat, Bintulu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya baca fasal ada orang yang jahil, jadi dalam pembentangan ini biar saya bacakan supaya Yang Berhormat lebih faham .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tetapi saya berharap Yang Berhormat bijaksana tetapi saya tidak tahulah macam mana. “Pemberitahu usul mengandungi apa-apa cadangan hendak meminda peraturan-peraturan mesyuarat, maka pemberitahu itu hendaklah disertai dengan satu pindaan yang dicadangkan itu dan usul itu apabila dicadangkan dan disokong adalah disifatkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dengan tidak dikemukakan masalah kepada Mesyuarat dan tidak boleh dibincangkan lagi usul ini sehingga Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat telah mengeluarkan penyata-penyata kepada Majlis berkenaan dengan cadangan itu.” Jelas?

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalannya ialah kenapa usul ini dikemukakan tanpa notis dan ada satu usul untuk mendahulukan perkara ini, adakah kalau tidak buat begitu

kerajaan jatuh atau KOMM berjaya atau KOAI berjaya. Apa ini? Kenapa perlu satu usul untuk mendahului? *[Disampuk][Disorak]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sudah tidak ada modal. Saya fikir bila sudah tidak ada perkara, senyap.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: You masuk Dewan, dewan kacaulah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: You masuk Dewan daripada mana ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini cukup jelas, tidak payahlah kita panjangkan perbahasan, perkara ini cukup jelas. Peraturan Mesyuarat jelas ya. Minta Bintulu sambung ya.

3.41 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung ucapan saya kelmarin dan untuk menyelami sedikit apa yang saya ucapkan kelmarin. Sungguhpun ini boleh mengelakkan para peminjam menghadapi lelongan aset tanah mereka oleh pihak bank apabila mereka gagal membayar balik pinjaman tetapi tidaklah langkah ini akan menyebabkan para peminjam dibebani dengan penambahan kos faedah dan pengurusan yang dilakukan oleh Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Apa yang saya anggap penting di sini ialah pelaksanaan rang undang-undang ini kelak janganlah menyebabkan para peminjam dibebani penambahan kos baru hutang mereka dan hendaklah Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad menjadualkan semula pembayaran balik yang mudah kepada para peminjam yang dihimpit kesusahan.

Bagaimana pula jika Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad bertindak sebaliknya? Bukan mustahil Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad menjadi perampas tanah para peminjam dan menguruskan sendiri kutipan hasil seperti juga gadaian itu ialah sebidang tanah yang di atasnya berdiri sebuah bangunan yang disewa

orang ramai. Apakah Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad turut menguruskan kutipan hasil sewa milik para peminjam? Ini boleh dilihat kepada power of attorney yang tertera dalam Fasal kecil (6) di bawah Jadual Kelima Belas oleh kerana kerajaan berjanji untuk menjadikan perjalanan Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad telus, maka apa juga segala pemindahan dan pelupusan gadaian tanah hendaklah diumumkan dari masa ke semasa dan bukan sahaja melalui warta kerajaan tetapi juga dalam iklan akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu persoalan asas mengenai tanah sepanjang sejarah negara kita ialah persoalan hakmilik tanah – siapa milik dan apa jenis tanah sentiasa menjadi persoalan asas. Itulah sebab Akta Kanun Tanah Negara diwujudkan untuk melindungi hakmilik kepunyaan tanah di samping memberikan pertimbangan kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Pada peringkat permulaan, kaum pribumi memiliki hampir kebanyakan tanah dalam negara kita tetapi pada hari ini kita menyaksikan satu perubahan besar dalam pemilik di bawah kemanisan nama pembangunan menerusi pemakaian Akta Kanun Tanah Negara. Jika kita tidak berhati-hati, lambat-laun semua tanah kaum pribumi akan diambil dan dibahagikan. Bagi maksud demikian dan atas nama pembangunan mengakibatkan kaum pribumi hilang pemilikan. Saya bersetuju bahawa kita perlu pembangunan tetapi bukanlah atas dasar mengorbankan hakmilik kaum pribumi atau pemilik tanah asal. Sekurang-kurangnya mereka hendaklah diajak berunding terlebih dahulu supaya keperluan mereka, sama ada keperluan sosial, ekonomi dan lain-lain boleh difahami. Satu penyelesaian yang baik bagi pemaju dan pemilik tanah haruslah diusahakan sebaiknya. Apabila kita mengkaji pembangunan atau perkembangan pembahagian tanah sepanjang 15 tahun yang lalu, kita mendapati semakin ramai pemilik individu terutama kaum pribumi telah hilang tanah mereka kepada syarikat gergasi atau syarikat peladangan kelapa sawit. Pemilik tanah tidak mendapat apa-apa pampasan bererti bagi tanah yang dimiliki sejak beratus tahun berlalu.

Saya menyebut di sini, sebagai contoh, dalam kawasan saya Kampung Melayu Tanjung Kidurong yang mana beribu-ribu tanah bergeran diambil kerana pembangunan Loji Petrokimia Tanjung Kidurong dalam tahun 70-an dahulu dengan dibayar pampasan

begitu rendah – lebih kurang RM50 setiap ekar. Cuba lihat taraf hidup penduduk kampung tersebut pada hari ini, mereka tidak pun hidup senang atau kaya walaupun keadaan mereka sedikit baik berbanding dengan 15 ke-20 tahun dahulu. Terdapat seorang penduduk, ibu kepada Encik Jalil bin Ismail yang tidak bersetuju dengan pampasan ini dan sehingga sekarang beliau masih belum mengambil pampasan bernilai lebih kurang RM50 seekar dari kerajaan. Satu contoh lain Kampung Melayu – Dipak yang mana dalam tahun awal 90-an, tanah miliknya hanya dibayar pampasan bernilai RM25,000 satu ekar telah dijual sebagai tapak industri pada harga RM200,000 satu ekar atau tanah di Tanjung Batu Resort dan di Medan Jaya – kesemuanya dibayar pampasan pada harga rendah tetapi selepas hakmilik bertukar, pemilik baru membuat wang jutaan ringgit daripada tanah tersebut. Mengapakah Akta Kanun Tanah Negara kita tidak digubal supaya pemilik tanah juga mempunyai hak dan bahagian yang adil dalam keuntungan berjuta-juta ringgit?

Pada bulan lepas Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sarawak telah mengeluarkan satu notis kepada penduduk-penduduk rumah Nor di Skabai Ulu Baur memberitahu mereka bahawa semua tanah ribuan ekar akan diambil untuk dibangunkan sebuah bandar baru. Bagaimana pula puluhan ribu ekar tanah NCR terletak antara Batang Kamina dan Batang Tatal diambil oleh Syarikat Borneo Pup and Paper ataupun 19 buah rumah panjang di dalam kawasan 25 kilometer sepanjang Jalan Bintulu-Miri telah hilang hak mereka ke atas tanah yang mereka beli sendiri. Mereka ini tidak pernah diajak berunding dan apakah faedah jangka panjang boleh disertai oleh penduduk atau menjadi seperti penduduk-penduduk lain sebelumnya tidaklah diberitahu.

Satu lagi kekurangan besar Akta Kanun Tanah Negara ialah tidak cukup pengiktirafan ke atas hakmilik tanah kaum pribumi, seperti dalam kawasan saya tanah-tanah NCR tidak mempunyai surat dikeluarkan walaupun kerajaan mengakui kepunyaan kaum pribumi ke atas tanah yang dituntut sebelum 1958 tetapi apakah jenis hak yang kita bincangkan sedangkan tidak ada tanda surat hakmilik ke atas tanah. Apatah lagi tuntutan-tuntutan tanah yang dibuat menurut adat tradisi kaum pribumi selepas tahun 1958 sedangkan semenjak tahun 1958 hingga kini sudah 40 tahun lamanya iaitu lebih lama dari tempoh

Sarawak menyertai Malaysia kerana kurang pengiktirafan ke atas tuntutan tanah NCR selepas tahun 1958, maka situasi ini menyebabkan kekusutan dalam pertikaian tanah antara kaum pribumi dan syarikat-syarikat peladangan yang mana kaum pribumi tidak mengetahui bahawa tanah yang mereka duduki selama 20 tahun tiba-tiba dijual kepada syarikat peladangan. Menurut kaum pribumi dan adat-istiadat mereka bahawa mana-mana tanah yang telah dibersih dan dikerjakan adalah tanah termuda mereka.

Pada tahun lalu seorang Iban telah ditembak mati di Bakong, Miri dalam satu pergaduhan antara penduduk-penduduk rumah panjang dan syarikat peladangan. Beberapa orang penduduk dari Sungai Sebatu, Suai dipenjarakan. Pada hari ini di Ulunya syarikat peladangan kelapa sawit menghalau keluar penduduk tuan rumah busan dan tuan rumah bali dari tanah NCR mereka yang telah mereka kerjakan dan bercucuk tanam selama 15 tahun dengan kelapa sawit. Di Subungan, Sepaoh, Lembaga Tabung Haji tidak mahu membayar pampasan yang betul kerana menebang beribu-ribu pokok buah-buahan di atas tanah NCR milik penduduk-penduduk sembilan buah rumah panjang untuk projek ladang kelapa sawit.

Banyak lagi contoh seperti ini yang akan datang yang mana kaum pribumi dibuli dan dihalau keluar akibat kepincangan Akta Kanun Tanah Negara, malah di dalam bandar Akta Kanun Tanah Negara tidak memihak kepada mereka yang mempunyai tanah yang mana berlot-lot tanah kerajaan diambil untuk bangunan komersial dan sebagainya tetapi keluarga setinggan miskin yang berkehendakkan sebidang tanah kecil untuk membina rumah diabaikan. Sebagaimana dalam kawasan lain seluruh negara di Bintulu sendiri terdapat ribuan rumah setinggan tetapi di manakah tanah yang mereka pohon selama ini untuk membina rumah sendiri.

Pada bulan lalu penduduk setinggan Kampung Jabai dan Kampung Kuala Kemina telah diberi amaran supaya berpindah. Benar, mereka perlu berpindah keluar kerana menduduki tanah kerajaan selama 15 tahun tetapi berpindah ke mana sedangkan permohonan mereka untuk mendirikan sebuah rumah tidak pernah dijawab. Saya ingin menggesa Akta Kanun Tanah Negara kita disemak semula supaya ia akan memberi pengiktirafan kepada adat tuntutan tanah oleh kaum pribumi dan keluar

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Batang Lupar minta jalan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Saya sudah hendak habis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini bukan soalan, semua cerita ini semuanya hal land codekah, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan soalan land code ini, bukan Akta Kanun Tanah Negara dia bawa.

Tuan Chiew Chiu Sing:.....iaitu keluaran dengan surat khas milik tanah dan juga rakyat biasa yang mempunyai tanah sendiri akan mendapat faedah dari tanah tersebut dan mereka yang tidak mempunyai tanah akan mendapat peluang memiliki tanah untuk membina rumah mereka ataupun apa-apa kegunaan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.
3.54 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini ialah untuk mengadakan peruntukan membolehkan pengubahsuaian dibuat kepada kanun untuk memudahkan pelaksanaan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang baru kita luluskan rang undang-undang untuk Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Masalah sekarang ialah sama ada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ada cukup tabung wang supaya boleh menjalankan pelbagai tujuan/maksud termasuk untuk mengambil alih tanah-tanah supaya membolehkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah boleh diselamatkan.

Ini satu masalah pokok yang kita perlu ambil perhatian oleh kerana kalau tidak cukup tabung wang, bagaimana rang undang-undang ini boleh dilaksanakan khasnya apa yang berlaku baru-baru ini – satu minggu di mana oleh kerana Moody's Investors Service telah down grade sovereign credit rating negara kita tiga tahap yang menimbulkan satu senario yang begitu muram sehingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Tugas-tugas Khas perlu untuk membatalkan lawatan mereka ke luar negeri untuk meminjam wang untuk isu bon-bon supaya Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ada wang untuk bergerak. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri dan Menteri Tugas-tugas Khas adalah dijadualkan untuk pergi ke luar negeri pada minggu depan untuk issue US\$2 bilion (RM8.4 bilion) bon supaya Pengurusan Danaharta Nasional Berhad boleh bermula dan dilancarkan tetapi oleh kerana keadaan yang begitu buruk kepada ekonomi Malaysia. Sungguhpun 4 hari atau 6 hari dahulu ada diumumkan National Economic Recovery Plan, nampaknya bukan sahaja pengumuman National Economic Recovery Plan boleh memulihkan keyakinan kepada management micro economy tetapi pun tidak boleh mendapat keyakinan kepada NERP – tidak boleh memenangi keyakinan kepada NERP sehingga hari ini tengok apa yang berlaku dalam Bursa Saham KLSE Composit Index jatuh di bawah 400 mata – 398.8 points. [Boo] Dahsyat, itu psychological bearear yang turunkan dan nilai Ringgit Malaysia kepada US Dollar hari ini, kalau adalah satu NERP yang boleh stimulate keyakinan pasaran patutlah Ringgit lebih kukuh, tidak. Hari ini lebih dahsyat – RM4.16 kepada US\$1 yang terendah, itulah terendah. Kenapa?

Inilah menimbulkan krisis bagaimana kita ada wang untuk Pengurusan Danaharta Nasional Berhad supaya rang undang-undang ini boleh dikuatkuasakan sungguhpun benar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam pun ada kata bahawa, dengan izin, “There are sufficient domestic funds to finance the activities of the national asset management company – Pengurusan Danaharta Nasional Berhad and the overall Economic Recovery Programme. Deputy Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim said today. Therefore, the government will only make a global bond issue where market condition are conducive to it” iaitu selepas tidak boleh dapat balasan yang menggalakkan oleh kerana down grade sovereign credit rating Malaysia tiga tahap oleh Moody's Investors Incorporated. [Disampuk oleh Yang Berhormat dari Tuaran] ya, tidak ada Menteri di sini, semua main-main, satu isu yang begitu serius dan di sini front page The New Straits Times pun ada melaporkan bahawa Tun Daim pun pernah kata “There were sufficient money in the banking system to fund programme under the National Economic Recovery Plan.” Kalau begitu kenapa mahu jadualkan lawatan-lawatan ke luar negeri untuk meminta institusi-institusi antarabangsa untuk labur dalam bon-bon yang akan dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia yang bon yang pertama RM8.4 bilion. Benar bahawa

mengikut Laporan NERP yang ada dalam laporan atau surat khabar bahawa ada pelbagai cara untuk mencari.....

Tuan Haji Noh bin Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong Karang minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri. Untuk mencari wang atau modal.....

Tuan Michael Lisa Kaya: Keluar dari tajuk, keluar.

Tuan Haji Noh bin Omar: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Point of order ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Point of order pun tidak beri jalankah? Apa ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, yang keberapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pertimbangan sama ada isu ucapannya boleh ditakrifkan di bawah 36(1) sebab saya confuse sama ada kita membahaskan Akta Danaharta ataupun Akta Kanun Tanah. Sekarang kita membincangkan Akta Kanun Tanah, jadi saya rasa ucapannya sudah tidak tertakluk di bawah 36(1). Tidak berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau kita tidak cukup wang, di tengah jalan ambil alih tanah krisis akan berlaku, tanah hanging in the air. Mungkin Tanjong Karang tidak ada tanah pun!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, tidak berkaitan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu perlu wang yang cukup supaya pengurusan harta boleh berjalan lancar dan licin. Kalau tidak cukup capital oleh kerana tidak ada wang yang

secukupnya tentu akan bangkit masalah dan krisis yang berlainan. Itulah sebab mustahak bagaimana kita hendak dapat wang supaya Pengurusan Danaharta Nasional Berhad bolehlah ada wang yang cukup untuk mengambil alih tanah tanpa masalah-masalah yang ditimbulkan. Sebab itu kita perlu ambil perhatian mengenai krisis yang berlaku dalam ekonomi kita sekarang dan ini yang tepat pun. Baru-baru ini kita dapati bahawa Bank Negara ada menurunkan Statutory Reserved Requirement (SRR) daripada 10% untuk bank-bank kepada 8% yang membebaskan RM7 bilion kepada pasaran tempatan. Benar, apabila Bank Negara menurunkan SRR daripada 10% untuk bank-bank kepada 8% RM7 bilion released tetapi wang itu pergi mana?

Mengikut satu anggaran daripada RM7 bilion yang di'release' oleh kerana usaha itu, RM3 bilion keluar negeri oleh kerana kadar interest di luar negeri Singapura lebih tinggi, lebih menggalakkan RM3 bilion daripada RM7 bilion telah mengalir keluar negara dan kalau begitu dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil semacam itu masalah akan timbul sama ada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad boleh dengan cukup keupayaan untuk melaksanakan rang undang-undang yang kita mahu luluskan dan bahaskan sekarang. Itulah sebenarnya isu yang pertama kita perlu mengendalikan perkara-perkara yang ada dalam rang undang-undang ini ialah mengenai 'technical details' tetapi isu pokok, isu dasar kita perlu menangani.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya harap ini boleh diberi perhatian yang berat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti bolehlah jawab bagaimana masalah ini dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

4.02 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada saya membahaskan sedikit dalam pindaan Kanun Tanah Negara. Walaupun orang kata saya dari Sarawak dan undang-undang di Sarawak dalam Kanun Tanah Negara berlainan sedikit dan banyak perbezaan dan kita telah dengar daripada Bintulu tadi rata-rata cerita dari Bintulu tadi adalah cerita yang sepatutnya dibahaskan di Dewan Undangan Negeri Sarawak tetapi malangnya

dibahaskan di sini. Maksudnya cerita semua itu ‘irrelevant’ yang tidak patut dibangkitkan di sini – persoalan tanah adat Sarawak, tahun 1958 dan sebagainya.

Jadi, walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya pindah kepada perkara-perkara yang ingin saya sebutkan iaitu semasa membahaskan Rang Undang-undang Danaharta dahulu, saya pernah membangkitkan satu-dua perkara yang membimbangkan saya iaitu perkara yang pertama umpamanya ialah kebimbangan saya ke atas implikasi Undang-undang Danaharta iaitu dengan Undang-undang Tanah Negeri Sarawak dan ini telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya mengucapkan terima kasih di atas tindakan-tindakan awal yang telah diambil kira untuk Kanun Danaharta boleh dilaksanakan di Sarawak.

Kebimbangan saya yang kedua ialah persoalan penyerahan harta daripada pihak bank kepada Danaharta iaitu mekanisme bagaimana cara dan penyerahan itu berlaku dan siapakah yang terlibat dalam penyerahan harta sebelum statutory vesting berlaku di bawah Undang-undang Kanun Tanah Negara ini. Jadi dengan adanya mekanisme yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Danaharta ini ternyata kebimbangan saya itu sedikit sebanyak telah dapat diatasi tetapi dalam konteks undang-undang Sarawak ini belum lagi memuaskan oleh kerana di bawah Undang-undang National Land Code, vesting order ini memang take effect tetapi di Sarawak ianya tidak boleh mengatasi masalah-masalah yang mungkin dianggap procedural di Sarawak.

Jadi berbangkit dua-tiga perkara sebagaimana Yang Berhormat daripada Tanjong Karang semalam membangkitkan soal consent ataupun kebenaran daripada pihak yang tertentu iaitu consent untuk mencagar, consent untuk menukar milik dan sebagainya. Jadi di Sarawak kita mempunyai tiga strata – orang yang berkuasa untuk memberi kebenaran iaitu dari pihak penguasa tanah bahagian, pengarah tanah negeri dan menteri. Jadi dengan certificate yang diisu oleh Danaharta, vesting ini tidak berlaku melainkan consent itu telah didapati. Jadi kebimbangan yang Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga saya akan sebutkan di sini ‘consent’ ini sepatutnya dimasukkan sekali dalam kanun-kanun pemindahan tanah ini iaitu consent itu merangkumi siapa sahaja yang berkuasa memberikan consent itu dianggap telah memberi apabila vesting certificate dikeluarkan oleh pihak Danaharta kepada kerajaan.

Maknanya perlu mendapatkan consent daripada pihak yang tertentu sama ada di peringkat negeri-negeri umpamanya di Sarawak daripada penguasa, pengarah ataupun pihak kementerian itu dianggap telah memberi kalau vesting order ini telah diberi oleh pihak Danaharta. Jadi dengan sendirinya tindakan yang sedemikian akan mempercepatkan urusan Danaharta kerana kita melihat undang-undang ini diluluskan iaitu daripada Danaharta sampai undang-undang ini adalah memang secara bulat-bulat tumpu kepada tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

Masalah-masalah bank yang mana kalau prosedur yang lama diikuti sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan semalam mempertahankan iaitu Torrens System daripada Australia yang kita dapati, yang kita warisi selama ini. Jadi saya tidak faham apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan yang mempertahankan sangat Torrens System ini. Adakah Torrens System ini tidak boleh diubahsuai atau sebulat-bulatnya kita akan laksanakan sepanjang masa.

Tetapi adanya undang-undang ini telah mengubah sedikit cara iaitu kalau perkara ini satu kegagalan pembayaran hutang umpamanya perkara itu di bawa ke mahkamah dan kuasa mahkamah membuat arahan untuk penjualan hartanah dan sebagainya. Jadi di bawah ini tidak lagi, soal kuasa mahkamah telah diambilalih oleh certificate yang dikeluarkan oleh Danaharta. Jadi mekanismenya ialah Danaharta akan mengadakan satu penilaian. Penilaian yang dibuat ialah berlandaskan market value harta yang tersebut dan dijual daripada pihak bank kepada pihak Danaharta yang mana semua caveat dan prohibitory order ataupun lien yang ada di atas tanah tersebut akan dibawa bersama kepada Danaharta.

Jadi mekanisme ini adalah cepat dan ringkas. Jadi ini telah mendatangkan kebaikan oleh kerana saya tidak faham kenapa kita mempertahankan Torrens System tetapi tidak melihat implikasi Torrens System itu sendiri. Saya menyebut sebagai satu contoh kalau di Sarawak – Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai seorang hakim dahulu, apabila selalu berlaku satu kelambatan pembayaran dan apabila pihak bank telah memikirkan iaitu satu notis terpaksa diberi kepada pencagar dan sama ada notis itu

berlandaskan agreement yang ditandatangani ataupun charge yang ditandatangani ataupun berlandaskan statutory notis di bawah undang-undang yang ada berhubung dengan tanah.

Selepas notis itu left tidak ada bayaran dibuat, barulah saman dibuat daripada peguam dan masa daripada saman itu dibuat sampai ke peringkat penjualan tanah kalau successful the first option, dengan izin, mungkin dalam masa tiga ataupun enam bulan, itupun kalau cepat baru kita mendapat arahan daripada mahkamah bahawa tanah itu dilelong. Jadi lelong kalau di Sarawak ini dalam sistem tanah Sarawak sudah dapat lelong lagi dapat saman for direction lepas saman for direction, kalau sudah dapat dijual itu - untuk penukaran milik dan pengeluaran wang daripada mahkamah untuk dibayar dan pengeluaran wang untuk dibayar, dipotong bagi kepada peguam, dipotong kepada quick rent, dipotong kepada assessment dan sebagainya memakan masa tidak kurang daripada 15 bulan yang cepat. Kalau tidak setahun, 6 bulan baru siap daripada masa default berlaku notis diberi baru tanah itu pengurusannya siap tetapi dalam Torrens System ini dipraktis dalam mahkamah. Tetapi dalam Danaharta ini mungkin dalam masa 3 bulan kita boleh mengatasi masalah. Dalam ketika yang sama apabila Torrens System dijalankan maknanya setahun faedah mesti masih berjalan.

Jadi siapa yang kita hendak selamat, kita hendak selamatkan tuan tanah, kalau cepat urusan ini dibuat cepat urusan penjualan dibuat, cepat pihak bank dibayar, cepatlah faedah-faedah yang terbayar yang sentiasa berjalan sehingga penyelesaian masalah penjualan itu berlaku. Jadi dengan sendirinya, Tuan Yang di-Pertua masalah hutang itu terbayar oleh pihak pencagar kepada pihak bank dan faedah yang berjalan setiap masa itu, 13%-14% ada pada masa sekarang ini akan berhenti di situ juga dengan sendirinya pulangan kalau ada kelebihan lelongan penjualan harta ini nanti daripada Danaharta ataupun dahulu dipanggil Torrens System. Penjualan yang dibuat di mahkamah bolehlah dikembalikan kepada tuan tanah dengan sendirinya kecepatan itu sendiri telah menolong bukan sahaja pihak bank tetapi juga menolong kepada tuan tanah yang mencagarkan tanahnya di bank.

Jadi kenapa pula kita bising dan sibuk sangat dengan masalah undang-undang ini yang salah, undang-undang ini telah menolong bukan sahaja pihak bank, bukan sahaja industri kewangan, bukan sahaja kerajaan untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi

tetapi juga telah menolong pihak tuan tanah, orang yang mencagar tanah untuk mengatasi masalah hutang mereka di bank. Oleh kerana kecepatan penyelesaian masalah pencagaran yang telah kita lihatkan di bank tersebut. Jadi saya tidak lihat kenapa pula kita sibuk mempertahankan apa yang dikatakan Torrens System, kenapa Torrens System itu dibuat semacam satu 'secret bull' yang tidak boleh dibuat apa-apa? Jadi

Seorang Ahli: Diam-diam.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: diam-diam kalau tidak faham. Umpamanya kalau Torrens System, kalau you lelong umpamanya kalau di Sarawak hari ini kita lelong di bawah arahan mahkamah kita lelong – tidak ada orang beli. Kalau tidak ada pembeli - bank akan berfikir dalam masa 3-4 bulan memikirkan sama ada tanah ini akan dilelongkan kali yang kedua. Lelong yang kedua tidak ada orang beli oleh kerana kegawatan ekonomi, lepas itu bank akan memikirkan sama ada ini akan diturunkan harga ataupun tidak diturunkan harga. Kalau difikirkan bank membuat penurunan harga – satu saman in chambers akan dibuat di mahkamah untuk meminta pihak mahkamah meluluskan satu check value - valuation akan dibuat kepada tanah tersebut untuk menurunkan harga tanah yang akan dibuat lelongan kali yang ketiga – makan masa 5-6 bulan kalau tidak setahun, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dalam masa yang sama faedah yang dikenakan oleh pihak bank akan berjalan terus, siapa yang susah, tuan tanah yang susah, yang peminjam susah - Teluk Intan tidak mahu membela orang ini. Sepatutnya kita bela orang ini, orang dalam masalah ini. Jadi kalau sudah dapat dilelong, masa pelelongan, prosedur mahkamah yang ada, jadi dalam adanya undang-undang ini kita dapat mengatasi masalah kelambatan yang sedemikian. Jadi inilah tujuan kerajaan, kalau kita tengok, jangan lihat the word undang-undang sahaja, semangat di sebalik undang-undang itu kena lihat juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang ini ada soal penilaian, jadi persoalan dibangkitkan oleh saya di sini ialah perlantikan valuers ataupun penilai yang diguna oleh pihak bank mendapatkan nilai yang tertentu sebelum berunding dengan pihak Danaharta dan siapa melantik penilai ini. Adakah penilai ini dilantik pada panel valuer yang sudah ada pada pihak bank ataupun pihak bank akan berunding terus dengan pihak pencagar

sebagaimana yang kadang-kadang dibuat ataupun meminta pihak kerajaan membuat satu penilaian - mendapatkan market value.

Kadang-kadang ini ada juga benar cerita-cerita kawan saya dari Bintulu walaupun dia 'menggelepar' cerita di tanah Sarawak – soal penilaian ini ialah kadang-kadang kerajaan menilai jauh lebih konservatif harganya daripada pihak penilai luar (independent valuer). Jadi independent valuer ini adakah betul-betul independent atau orang in-panel by pihak bank. Jadi kalau orang ini valuer yang betul-betul independent, kita terima, memang tidak ada kritikan ataupun apa-apa yang kita hendak sebutkan. Tetapi kalau valuer ini panel dari pihak bank tersebut, saya berharap pihak kementerian memikirkan semula supaya panel of valuers yang dibuat ini biarlah di bawah kerajaan bukan di bawah Danaharta dan bukan pula di bawah pihak bank agar penilaian yang dibuat itu adalah betul-betul 'market value' berlandaskan assessment method yang di'adopt' oleh pihak valuer untuk mendapatkan satu penilaian yang baik supaya penjualan di antara bank dan Danaharta tidak mendatangkan satu kesan yang kurang baik kepada tuan punya tanah.

Oleh kerana umpamanya hutang ada RM800,000 dan lepas itu tanah itu dinilai RM800,000, lepas itu diserahkan pula – bermakna bank akan terbayar hutangnya sekali tetapi tuan tanah hilang begitu sahaja dan dia tidak tahu apa masalah yang berlaku. Kalau hendak suruh tuan tanah itu bayar macam mana mekanisme yang diletakkan di bawah undang-undang ini hendak bayar RM800,000 pada masa ini RM80,000 pun susah hendak cari dalam tangan orang yang hanya berhutang RM800,000. Kalau orang berhutang RM80 juta mungkin ada RM800,000 tidak menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi soalan mekanisme saya ingin bertanya juga apabila statutory vesting telah dibuat, siapa yang akan bayar kos penukaran milik? Oleh kerana kadang-kadang bila tanah ini berlaku, saya akan beri misalan, bila tanah ini berlaku penukaran yang dicagar dengan pihak bank dan diserahkan kepada pihak Danaharta ataupun pembeli di bawah Torrens System yang disebut kawan dari Teluk Intan, berlakulah assessment tidak bayar, tuan sudah kena keluar assessment kepada council tidak dibayar, semua benda ini tidak bayar. Jadi ada dua tiga perkara yang perlu dibayar iaitu pembayaran stamp duty, pembayaran quick rent, pembayaran assessment, siapa yang bayar ini? Adakah pihak pembeli sebagai lelong di bawah Torrens System yang mana

kos stamp duty akan dibayar oleh pihak pembeli, bukan dibayar oleh pihak pencagar. Jadi saya hendak tanya siapa yang bayar kos ini? Kos quick rent, kos assessment, kos lawyer ataupun apa-apa kos yang berbangkit daripada vesting order yang diberi oleh Danaharta kepada pihak bank.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order. Tidak cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup kuorum, sila duduk dahulu Yang Berhormat, sila bilang.

[Ahli-ahli dikira: Kurang 26 Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup kuorum, minta bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang!

[Ahli-ahli dikira: Lebih 26 Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup kuorum, sila teruskan Yang Berhormat dari Batang Lumar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi Teluk Intan lain kali jangan buat macam itulah, ini tidak baik. Kalau kita lihat ramai orang tidak ada, sebenarnya orang pada masa sekarang ada juga keluar sebab-sebab tertentu. Ada juga di surau, sembahyang dan sebagainya, kita jangan ganggulah.

Seorang Ahli: Pembangkang tidak bertambah pun!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pembangkang pun tidak ada juga yang bertambah, jadi lihat kawan-kawan ini hampir penuh.

Jadi saya teruskan. Saya berharap apabila penukaran harta tanah ini daripada pihak bank kepada pihak Danaharta kos-kos pengendalian, kos assessment dan kos yang tertunggak umpamanya hendaklah dibayar, dipertanggungjawabkan kepada pihak Danaharta dan jangan pula diletakkan kepada pihak bank. Oleh kerana dalam agreement di antara memorandum on charge yang dibuat di antara pencagar dengan pihak bank, apabila pembayarannya cukup dan ada kekurangan pembayaran, pihak bank boleh mengambil tindakan semula kepada pencagar untuk mengambil kos-kos yang berbangkit

daripada sebab-sebab yang tertentu. Jadi kalau kos ini - sudahlah kawan ini jatuh, ditimpa tangga, memang susah sedikit, jadi saya berharaplah kos ini memang dibiayai oleh pihak Danaharta, lebih baik lagi kalau Danaharta boleh meminta kerajaan supaya stamp dutynya dibebaskan, penukaran hakmilik daripada pihak bank kepada pihak Danaharta dan kalau tidak pun Danaharta terpaksa membayar, jangan disuruh pihak pencagar ataupun pihak bank membayar. Kalau bank yang bayar kita khaskan bank tidak boleh recover dengan pihak pencagar lagi. Kalau tidak, stamp duty sekarang tinggi harganya, jadi saya berharap kos-kos ini dipertimbangkan supaya jangan pihak pencagar terkena.

Soalan kedua yang hendak saya tanya, walaupun mekanisme yang dibuat dalam undang-undang ini telah ada, penjelasan yang agak terperinci sedikit ingin saya dapatkan dari pihak kementerian iaitu apabila tanah itu diserahkan dengan Danaharta ada caveat, ada prohibitory order ataupun mana-mana lien. Jadi di atas caveat ada kemungkinan caveat itu masih kekal di atas tanah tersebut dan sebagaimana juga perkara-perkara lain. Tetapi prohibitory order sebagaimana yang kita tahu, life spend, dengan izin, adalah terhad. Saya ingat pada masa sekarang adalah enam bulan. Jadi bagaimana, adakah apabila masa vesting order itu dibuat, life spend prohibitory masih ada, selepas itu prohibitory itu pupus, selepas vested. Jadi adakah pihak Danaharta akan mengambil kira pengambilan itu oleh kerana pihak yang menuntut ke atas tanah tersebut P.O itu tidak boleh diapply kepada pihak Danaharta lagi oleh kerana di bawah undang-undang Danaharta tidak ada satu perkara pun boleh diambil kepada pihak Danaharta. Maksudnya orang yang berhutang lain yang boleh menuntut kepada pencagar ini tidak akan pergi ke Danaharta ada kemungkinan ia akan pergi kepada tuan tanah yang asal. Jadi ini mendatangkan satu lagi masalah.

Jadi saya berharap P.O yang diberi ini bila penyerahan P.O ini telah dibuat di bawah schedule undang-undang ini, saya berharap pihak Danaharta juga mengambil kira yang pembayarannya dibuat oleh pihak Danaharta berlandaskan hutang-hutang yang tertentu. Jadi maksudnya negotiation ataupun perbincangan di antara pihak bank dengan pihak Danaharta di bawah undang-undang ini janganlah mengenyahkan tuan tanah ataupun pemiutang. Oleh kerana kita bimbang walaupun penilaian yang ada tetapi oleh

kerana untuk mempercepat Danaharta memang bertindak sebagai komersial supaya jangan bertindak untuk mengurangkan penilaian yang telah dibuat oleh penilai dan mempercepatkan pengurusan harta dan yang akan mendatangkan kemudharatan kepada tuan tanah. Itu kebimbangan yang sedikit, yang saya fikir tidak menjadi satu masalah yang besar.

Yang kedua, tanah umpamanya, kalau 10 ekar ataupun 100 ekar tanah yang telah dibahagi-bahagikan tanah dan yang belum mendapat sub-lot dan subtitle masing-masing dan tanah itu dicagar kepada bank dan developer mendapat satu masalah tidak dapat menjalankan pengurusan pemajuan tanahnya tersebut dan tanah itu terserah kepada pihak Danaharta kerana hutang tersebut telah di bawah NPL yang tidak dibayar, hutang yang tidak dibayar. Jadi dalam masa yang sama ada kemungkinan, mungkin di Semenanjung tidak berlaku, di Sarawak mungkin berlaku iaitu pemaju mungkin telah membuat perjanjian untuk menjual sebilangan lot-lot yang tertentu, mungkin juga berlaku di sini. Tetapi oleh kerana pengurusannya belum siap dan penukaran hakmilik belum dibuat dan tanah semuanya telah diserahkan kepada pihak Danaharta tetapi ada orang membeli lot-lot yang kecil, sub-lot rumah-rumah tertentu. Itulah membuat deposit, pembayaran pendahuluan dan apakah mekanisme supaya pembeli-pembeli yang sedemikian tidak kehilangan pembayaran mereka kerana kebanyakan mereka ini adalah orang makan gaji, berpendapatan kecil dan orang yang berpendapatan rendah yang mungkin bayar RM5,000 ataupun RM10,000 ini bukanlah benda yang kecil kepada mereka mungkin simpanan yang sudah dua tiga tahun.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya berharap pihak kementerian boleh mengambil kira perkara ini sebelum perundingan dibuat di antara pihak Danaharta dan pihak bank dan mekanisme yang tertentu untuk mendatangkan faedah kepada mereka yang telah berurusan dengan pihak pemaju yang mencagarkan tanah kepada pihak bank. Dalam keadaan sedemikian barulah perkara-perkara ini dapat menyelamatkan masyarakat yang banyak, bukan soalan mempertahankan Torrens System dan takut Torrens System itu irroded oleh kerana undang-undang yang berlainan daripada yang dipraktiskan oleh kita dahulu. Walaupun saya sedar banyak peguam terutama sekali orang seperti Teluk Intan, dia punya pandangan itu very conservative dan tidak mahu melihat benda-benda

baru yang inovatif, yang baik, yang maju yang boleh mempertahankan negara kita, tidak mahu melihat benda kita sendiri, terkongkong kepada apa yang telah diguna selama ini walaupun perkara itu mendatangkan kemudharatan kepada pihak yang tertentu.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya tidak bersetuju iaitu Torrens System ini adalah sebagai satu 'secret bull' dan boleh diubah kalau perlu dan boleh mendatangkan faedah kepada masyarakat bukan sahaja kita, negara dan perbankan tetapi juga masyarakat yang telah berhutang kepada pihak bank. Jadi kepada kawan saya dari Bintulu tolonglah nasihat kawan yang mewakili di Sarawak itu berbincang soalan-soalan yang di Sarawak, berlaku di Sarawak pengambilan tanah-tanah di Sarawak dan sebagainya. Jangan hendak dengar cerita tahun 1998 itu, kadang-kadang tanah di Sarawak, saya ingin sebut sedikit oleh kerana kawan-kawan sudah sebut tadi. Tanah-tanah di Sarawak itu di bawah native customary land, punya law, saya bukanlah mengata sendiri mahir dari segi undang-undang itu tetapi saya banyak terlibat dalam seminar, dalam pengurusan dan sebagainya, native customary land. Bahkan saya boleh mengatakan, boleh tulis buku sebagai reference kepada Teluk Intan dan orang seperti mereka, apa maknanya native customary land di Sarawak. Undang-undang yang wujud dan memberi hak kepada mereka sebelum tahun 1998 tetapi.....

Tuan M. Kulasegaran: Minta penjelasan, Yang Berhormat kata buku mungkin ditulis mengenai hal ini, jadi bila buku pandangan Yang Berhormat ini akan ditulis dan adakah ia terikat dengan Torrens System?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Torrens System Yang Berhormat itu, tadbir sahaja di rumah Yang Berhormat sendiri, untuk Malaysia kita gunakan undang-undang yang ada kita pindahkan Torrens System berlandaskan undang-undang yang ada, tetapi berlandaskan native customary land. Undang-undang itu tidak di bawah Torrens System, tidak di bawah National Land Code, tetapi wujud sebagai adat istiadat orang Sarawak yang memberi hak tidak bertitle, tidak ubah seperti Tennier System di England. Jadi undang-undangnya berlainan sedikit. Hendak tanya sikit Tennier System sudah belajar?

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Teluk Intan. Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebagai Tenner System di England, itulah native customary land, tidak ada title dan sebagainya. Acquisition on Native Customary Land hanya boleh dibuat sebelum Oktober 1958. Maksudnya orang yang mungkin umurnya tiga empat tahun pada tahun 1958 ataupun 10 tahun pada tahun 1958 tidak berkemungkinan boleh menuntut native customary land melainkan hak itu telah wujud sebelum 1958. Jadi Undang-undang Native Customary Right di atas native customary land itu ada juga sistem-sistem yang tertentu tetapi tidak sebagai yang dipandang sebagai Torrens System ataupun di bawah undang-undang code yang ada pada kita pada masa sekarang tetapi wujudnya native customary land itu di recognise oleh undang-undang Sarawak dan undang-undang Sarawak itu di recognise oleh constitution Malaysia dan maksudnya undang-undang itu dianggap wujud untuk rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cerita yang pendek sedemikian sebelum saya menulis buku yang panjang saya ucapkan terima kasih dan menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Pilah.

4.31 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba hendak bercakap seberapa ringkas yang boleh, yang mana relevant. Saya dapati banyak yang kita bincang di Dewan yang mulia ini ialah berkaitan dengan Pindaan Kanun Tanah Negara. Ramai bercakap rasanya, khususnya Pembangkang ini meleret-leret, tidak relevant, membuang masa. Justeru itu saya akan cuba khususkan kepada perkara yang saya fikirkan perlu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada kementerian yang telah begitu peka dan ingin meminda Akta Kanun Tanah Negara disesuaikan untuk pelaksanaan Danaharta Nasional Berhad. Dalam keghairahan kita ingin meminda ini saya hanya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, pertama sekali kepada Tanah Adat. Semalam saya dengar dalam penjelasan Timbalan Menteri

bahawa ini akan merangkumi, dimasukkan juga Tanah-Tanah Adat yang saya sudah bangkitkan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, Tanah Adat yang ada di Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan berasaskan adat ini iaitu berunsurkan kepada Adat Papatih dan tidak ramai orang tahu falsafah Adat Papatih di Negeri Sembilan yang mana setiap adat ataupun tanah-tanah yang di bawah lingkungan Tanah Adat itu berfalsafahkan bahawa setiap pemilik tanah yang biasanya kepada kaum perempuan tidak mempunyai hak mutlak kepada tanah itu hanya untuk semasa dia hidup sahaja. Yang mempunyai hak ialah suku kaum mereka. Justeru itu dengan tiadanya hak milik yang begitu kebetulan hak milik mutlaknya bagaimana Danaharta dalam konteks pelaksanaannya dapat melaksanakan untuk merangkumi Tanah Adat yang berada di Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Tanah Adat di Negeri Sembilan ini ada falsafah-falsafah yang cukup unik, yang perlu pihak kementerian dan pihak yang berkenaan mengkaji lebih mendalam, kerana dari segi collateralnya bagaimana kita hendak melaksanakan enforce jika sekiranya berlaku sesuatu default. Kalau dibenarkan kumpulan Tanah Adat berbentuk Adat Papatih ini dimasukkan dalam kategori yang boleh terima pakai dalam bentuk Danaharta.

Saya sendiri berpendapat berasaskan latar belakang yang saya tahu kerana Tanah-Tanah Adat di Negeri Sembilan ini maka mungkin satu kajian dan saya hendak minta penjelasan daripada Menteri bagaimana, sama ada boleh dimasukkan dalam kategori collateral yang boleh di dalam konteks Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa sekarang ini dalam keadaan kegawatan ekonomi terpaksa kita wujudkan satu konsep ini untuk menolong keadaan. Justeru itu saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini juga, dalam keghairahan kita meluluskan rang undang-undang ini banyak kelihatan tidak ada garis panduan yang spesifik dari segi pelaksanaan. Sebagai

contohnya apabila berlaku transaksi hartanah dari segi pendaftaran, dari segi duti setemnya dan sebagainya. Perkara ini sekarang ini dari segi pelaksanaan di peringkat Pejabat-Pejabat Tanah, sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah, banyak masalah harian yang berlaku yang dialami oleh pihak-pihak peguam dan sebagainya.

Dalam pemilik atau dalam Jadual Kelima Belas ini tidak ada garis panduan itu, saya berpendapat pihak kementerian perlu membuat satu kajian, satu garis panduan yang untuk diterima pakai dilaksanakan di peringkat daerah dan khususnya di pejabat-pejabat tanah. Kalau ini tidak dibuat maka ini akan menimbulkan banyak masalah dan mungkin juga menimbulkan penyelewengan dan sebagainya yang mungkin akan menjejaskan kelancaran hasrat Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini bahawa kita sedia maklum sekarang ini banyak kelewatan berlaku di peringkat bawah. Di mana apabila kita hendak mendaftarkan sesuatu hak milik tanah contohnya kalau di Shah Alam sekarang ini pihak-pihak peguam mengalami banyak masalah kerana berlakunya kelewatan. Kalau pemahaman ini, pengertian ini, falsafah ini yang dibangkitkan melalui wujudnya satu Akta Danaharta, pihak-pihak yang bertanggungjawab dari segi pelaksanaan ini perlu diberi maklum, diberitahu, garis panduan yang spesifik supaya jangan berlaku kelewatan. Andainya ini tidak dilakukan maka saya percaya segala tujuan, harapan kita hendak mempercepatkan keadaan untuk memulihkan ekonomi negara tidak akan tercapai malahan akan menimbulkan banyak masalah di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya tidak mahu bercakap panjang yang tidak relevant, hanya saya hendak menyentuh kepada rakan-rakan saya, pada kalangan pihak pembangkang, janganlah gunakan apabila kita bercakap dengan isu pindaan Akta Kanun Tanah Negara dibangkit-bangkitkan pula berkenaan Danaharta yang jauh menyeleweng yang hanyalah untuk hendak membantai

kerajaan. Forum ini kalau digunakan saya rasa membuang masa kita semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kubang Kerian.

4.36 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita dibawa untuk membincang Pindaan Kanun Tanah Negara. Di peringkat dasar ini secara ringkas saya ingin mengingatkan, Pindaan Kanun Tanah Negara dulu akhirnya menimbulkan kebisingan yang hebat. Walaupun Tun Ghaffar Baba menjanjikan pindaan tanah itu tidak menjejaskan bumiputera, tetapi akhirnya beribu-ribu ekar tanah bumiputera yang dulunya diambil untuk kepentingan awam sudah bertukar menjadi hak individu dan syarikat-syarikat sehingga bising kepada orang Melayu khasnya termasuk dalam Perhimpunan Agung UMNO supaya Kanun Tanah Negara dikaji semula iaitu pindaan yang dibuat dahulu akhirnya merugikan pemilik-pemilik tanah khasnya bumiputera di luar bandar.

Kali ini kita pinda lagi Kanun Tanah Negara.....

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua saya minta penjelasan dari sahabat Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tadi dia sebut tadi yang kata isu yang dibentang oleh bekas Timbalan Perdana Menteri dulu. Tuan Yang di-Pertua itu Akta Pengambilan Tanah ataupun Akta Kanun Tanah Negara. Jadi Yang Berhormat jangan confuse. Ini dua akta berbeza.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih, Akta Pengambilan Tanah dan sangkut paut juga dengan Akta Kanun Tanah Negara selepas itu. Baru mukadimah sudah ada soalan. *[Ketawa]* Saya ingat kita hendak pendekkan masa, saya akan mengambil masa yang pendek.

Sekarang kita pinda lagi Akta Kanun Tanah Negara seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri saya ambil di sini iaitu Danaharta adalah untuk mengambil alih untuk membolehkan tanggungan syarikat-syarikat mudah mengambil tanggungan nanti terutama sekali dan bila mudah untuk mengambil tanggungan nanti termasuklah syarikat-syarikat yang memiliki tanah. Kemudian Kanun Tanah Negara diubahsuai untuk memudahkan Danaharta. Saya ingatkan secara umum perkara ini tambahan lagi kebelakangan ini di mana ekonomi negara makin teruk, saham di bawah 400 unit. Kita lihat syarikat-syarikat gergasi mula menjualkan harta mereka kepada orang luar misalnya Binariang telah menjualkan sebahagian sahamnya kepada British Telecom. Sudah tentu Binariang ada memiliki tanah-tanah maka kita bimbang syarikat luar nanti sekaligus membeli syarikat itu dan dengan mudah pula mereka memiliki tanah-tanah tersebut.

Kemudian Danaharta, bila kita lihat kerajaan tidak berupaya mendapatkan modal dalam negeri sudah tentu akan diambil dari luar negeri maka daripada luar negeri ini mereka tidak lama lagi akan menguasai syarikat-syarikat kita, sekaligus, mereka akan menguasai tanah-tanah. Oleh itu kita bimbang dalam keadaan kegawatan ekonomi kita bertindak gopoh. Nanti suatu hari kita menyesal apabila kita lihat banyak tanah yang dulunya milik syarikat tempatan terlepas kepada orang asing. Kerajaan yang sepatutnya bertindak mengawal bumiputera menjadi pemangkin untuk mempercepatkan orang asing menguasai tanah di negara ini.

Ini saya ingatkan sebab dalam keadaan sekarang, macam-macam boleh berlaku. Bila berlaku kebangkitan ekonomi di negara kita, Alhamdulillah banyak estet atau syarikat-syarikat asing dibeli oleh syarikat-syarikat tempatan seperti kita

lihat bagaimana Sime Darby dapat dikuasai oleh Pernas sebahagiannya, begitu jugalah Tabung Haji boleh membeli ladang-ladang, begitu jugalah Syarikat Peggy dapat membeli Dunlop. Ini di zaman kemajuan ekonomi dimiliki oleh Malaysia. Kita bimbang pandangan Perdana Menteri iaitu sekali lagi orang luar akan datang menguasai ekonomi dan seterusnya menjajah negeri kita. Nampaknya kita pula menolong orang asing untuk menjajah kali kedua. Dengan memudahkan mereka, melabur modal dan juga akhirnya memiliki tanah-tanah dan ini pula termasuk kerajaan-kerajaan negeri, sudah tentu diminta bekerjasama. Ini kita lihat pindaan-pindaan ini kalau tidak kita berhati-hati dalam keadaan gopoh hendak pulih ekonomi tetapi kita tidak sedar tanah-tanah kita akan terlepas banyak kepada pemodal asing.

Perkara ini perlu kita ingatkan, kita tidak mahu reverse iaitu tahun 70-an, 80-an syarikat tempatan mengambil alih tanah-tanah asing tahun 2000 ke atas nanti syarikat asing pula mengambil tanah-tanah kepunyaan syarikat tempatan. Bila mereka sudah bertapak begitu kuat kita hendak mengambil semula nanti amatlah susah. Sebab itu saya ingatkan pihak kementerian terutama yang bertanggungjawab jaga hal ehwal tanah jangan terlalu mudah tunduk kepada syarikat-syarikat terutama sekali kemahuan syarikat-syarikat asing. Mereka boleh menekan sehingga tanah itu menjadi terlalu murah pada masa yang akan datang.

Kita bimbang misalnya apabila pula syarikat-syarikat yang terlibat menghadapi masalah kalaulah syarikat itu misalnya terlibat dalam membuat jalan raya, lebuhraya dan mereka selama inipun menghadapi masalah misalnya masalah tanah di Bukit Lanjan yang mereka dulunya dikatakan termasuk Menteri dan Ahli Parlimen dari Gombak mengatakan Orang Asli Bukit Lanjan akan menjadi orang kaya baru (OKB), mereka akan dapat lebih kurang dikatakan RM400 ribu pampasan tetapi sampai sekarang orang-orang di Bukit Lanjan masih mengeluh, mereka dapat tidak sampai RM100 ribu.

Ada di antara mereka belum mendapat apa-apa kerana ada syarikat yang hendak mengambil tanah mereka untuk membuat jalan raya dan mungkin syarikat ini akan menghadapi masalah, terpaksa menghadapi Dana Nasional, dana pula dikuasai oleh orang asing. Orang Asli pula tidak ada hak milik tanah maka tanah itu esok akan terlepas kepada dana asing dengan percuma. Jadi perkara-perkara seperti ini kita ingatkan macamlah pindaan Akta Pengambilan Tanah dahulu. Bila kita ingatkan kadang-kadang mereka kata, tidak apa kita boleh jamin masalah ini tidak akan berlaku penyuelewengan tetapi akhirnya kita lihatlah Akta Pengambilan Tanah membawa merana besar kepada termasuklah peneroka-peneroka FELDA yang diambil tanah mereka kononnya mereka menjadi jutawan segera.

Tetapi apabila ekonomi jadi begini duit mereka hilang, saham mereka hilang, tanah mereka hilang, balik kampung pun tidak ada tanah sekarang ini sebab itulah kita dalam masalah tanah kami ingatkan supaya kita kena berhati-hati sungguh jangan pinda, pinda, pinda, sampai bila kita sedar 5-6 tahun lagi banyak tanah bandar khasnya tanah-tanah yang Orang Asli sendiri misalnya telah terlepas kepada dana asing dan dana asing pula dikuasai oleh orang luar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dengan secara ringkas saya ingatkan perkara ini sebab jangan kerajaan menjadi ejen untuk jual-jual tanah kepada orang asing. Kita tidak mahu, kita dijajah kali kedua. Ini masa kejatuhan ekonomi, jangan kita gopoh. PAS boleh sokong kalau kita pergi slow sikit. Jangan kita gopoh akhirnya Binariang kita jual, esok semua kita jual, semua jual, tanah pun dimiliki oleh orang asing, bagaimana kita hendak halau penjajah ekonomi yang kedua ini. Ini yang perlu kita ingatkan perkara ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

4.45 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangkit untuk mengambil bahagian membahas Rang Undang-

undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998 dan saya akan membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan dasar sahaja oleh kerana Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara tidak digunapakai di Sabah. Namun tujuan asal pindaan ini adalah untuk memudahkan seperti yang tertera di dalam Bahagian 1 - Perlaksanaan dan Harta Berhad. Jadi, sudah tentulah implikasi perlaksanaan nanti akan meliputi seluruh negara.

Saya akan membangkit khusus tentang kenapakah terpaksa kita membuat pindaan ini dan apakah akibat perlaksanaannya ataupun implikasi perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama dari segi dasar. Saya berpendapat bahawa Danaharta Nasional Berhad ini bukanlah satu perkara yang sungguh-sungguh baru, hanya tujuannya sahaja yang baharu dan sebagai institusi-institusi yang dibentuk menurut perundangan dalam negara ini, ia boleh memiliki tanah seperti juga institusi-institusi yang telah kita bentuk menurut undang-undang dalam negara ini terlebih dahulu.

Jadi, saya hairan kenapa pewujudan Danaharta Nasional Berhad ini pula boleh menimbulkan keperluan penggubalan Kanun Tanah Negara. Adakah dasar ini bertujuan untuk memudahkan pihak-pihak pentadbir tanah memindahmilik tanah yang dimiliki oleh institusi ataupun yang dicagarkan kepada institusi-institusi kewangan dan persoalannya adakah mekanisme yang wujud di negara kita ini tidak boleh digunapakai baik dari segi memproses penukaran milik tanah atau dari segi pengambilan hutang oleh Danaharta daripada bank-bank, misalnya dengan Deed of Assignment, hutang itu boleh diambil alih oleh Danaharta Nasional Berhad dan demikian juga tentang pemilikan tanah boleh diassign, dengan izin, dan saya berpendapat bahawa kalaulah tujuan pemindaan undang-undang ini adalah untuk mempercepatkan proses tukar nama kepada pemilik baru ataupun juga untuk mengambil hutang pihak-pihak pemilik tanah yang telah

menggadaikan tanah-tanah mereka kepada pihak-pihak bank, saya kluatir tentang implikasinya terhadap pemilikan tanah di dalam negara kita ini kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menimbulkan satu isu yang pertinent, amat penting dimana kita tidak perlu tergesa-gesa di dalam hal ini. Kita harus ingat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sentiasa ataupun berkali-kali menimbulkan satu bentuk penjajahan baru oleh kuasa-kuasa besar ataupun kuasa-kuasa luar iaitu bukan dengan menggunakan senjata tetapi dengan menggunakan kuasa ekonomi dan kalau kita fikir tentang bagaimana pihak penjajah telah menguasai kita dahulu, kita harus faham implikasinya tentang tergopoh-gapah untuk mengubah Kanun Tanah Negara ini.

Kanun Tanah Negara ini telah kita gubal khusus untuk mengawal kepentingan negara dari segi pemilikan tanah dan di samping itu dari segi pemilikan hak oleh kaum bumiputera di dalam hal tanah. Kita fikir bahawa keadaan ekonomi negara ini memanglah gawat tetapi di samping kita menghadapi kegawatan ekonomi janganlah kita sampai korbakan semua peraturan yang telah mengawal kepentingan negara selama ini dan hingga kita hendak pula memindahkan Kanun Tanah Negara dengan tujuan untuk memudahkan kuasa ekonomi asing untuk menguasai ekonomi kita nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kalaulah undang-undang tanah dahulu itu tidak menimbulkan masalah oleh kerana mungkin kebanyakan urusniaga di dalam tanah itu adalah rakyat tempatan ataupun bank-bank tempatan, maka cukup jelas bahawa tujuan untuk memindahkan Kanun Tanah Negara ini ialah untuk memberi galakan kepada bank-bank luar daripada Malaysia untuk mengambil alih hutang-hutang lapuk itu.

Dan andai katalah ini berlaku, kita cuba bayangkan apakah yang terjadi dengan negara kita. Tanah ini adalah satu daripada asas kuasa ekonomi rakyat negara ini dan sekiranya kebanyakan ladang-ladang besar seperti ladang kelapa

sawit, ladang getah dan bermacam-macam lagi ladang akan dimiliki kelak oleh orang luar. Sudah tentu ekonomi negara akan terjejas dan sedikit sebanyak keselamatan negara juga akan terjejas. Kita tahu, kita cubalah bayangkan di lain-lain negara di mana rakyat tidak mempunyai tanah dan oleh kerana korporat gergasi yang besar-besar memiliki semua tanah itu.

Maka

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mintalah beri spesifik sangat sedikit sahaja berkenaan dengan apa Yang Berhormat cakap.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akan khususkan, ini hanya contoh

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak bersangkutan-paut dengan milik saham daripada syarikat-syarikat luar. Di sini membolehkan Danaharta itu mendapat vesting order dan mendapat tanah-tanah yang telah pun dicagarkan kepada bank walaupun ada caveat, ada prohibitory order dan sebagainya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya faham tetapi maksudnya cukup tertera di Bahagian 4(1) bahawa tujuan pemindaan itu ialah untuk pelaksanaan, implementation, pengurusan Danaharta Nasional Berhad Act. Erti kata yang lain, saya sudah katakan tadi kalau tujuannya ialah untuk memudahkan urusan dengan segala undang-undang yang ada pada kita ini diketepikan maka ini mempunyai implikasi yang besar, itulah tujuan saya untuk membangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, itu tadi dari segi dasar tentang pelaksanaan undang-undang ini kelak mengenai pemilikan hartanah di negara kita ini.

Yang keduanya, implikasi daripada pelaksanaan. Kalau kita terlalu tergopoh gapah untuk membuat undang-undang yang mempunyai implikasi yang begitu luas, maka bukan pula kita memberi keyakinan kepada para pelabur di dalam negara kita ini tetapi seolah-olah kita ini sudah panik sehingga

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, saya tidak boleh ikut apa argument perbahasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Adakah perkara yang lain yang hendak diucapkan di bawah perkara ini?

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu tidak bersangkutan-paut dengan apa yang di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan sampai ke situ.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan bergopoh-gapah semua itu.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan sampai ke situ Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana implikasinya ialah kita akan over right even interest, caveat misal kata.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak Yang Berhormat, tidak ada over right Yang Berhormat. Ada caveat itu pada fikiran saya apabila Danaharta ambil, dia subject to the caveat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tetapi ada di sini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia nanti kena caveat itu.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak, dia kata Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini dia ada over riding interest.

Tuan Yang di-Pertua: Interestnya betul, tetapi dia boleh dapat tanah itu walaupun ada caveat tetapi ia subject to the caveat dan mengikut peraturan kita jikalau sekiranya ada caveat tuan hak itu, tidak akan hilang haknya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita persoalkan iaitu kalau begitulah hakikatnya iaitu mekanisme lama itu masih digunapakai, jadi kenapa sampai kita ada peruntukan spesifik yang mengatakan bahawa sudah ada caveat mesti interest Danaharta akan free willing, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebabnya dahulu tidak boleh dipindahmilik kalau ada caveat. Sekarang ini dengan adanya undang-undang ini boleh dipindahmilik, tetapi penerima Danaharta itu akan juga akan subject kepada caveat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan boleh membuatkan kecemasan menimbulkan rasa cemas di kalangan para pelabur.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Machang bangun pula.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak saya akan habiskan, jadi tidak perlu minta penjelasan, dia boleh berucap nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Perkara Ahli Yang Berhormat berucap, saya sendiri pun duduk perhatikan dari tadi, saya tidak nampak the lines of arguments.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, the lines of arguments tidak ada langsung.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, apa relevannya dengan akta sekarang? Soal pelepasan kepada hak milik asing, soal pelupusan daripada peraturan sedia ada, saya tidak nampak relevannya kerana apa yang hendak dibuat ialah hendak memindahkan harta itu kepada Danaharta supaya walaupun ada caveat tadi

Tuan Yunof Edward Maringking: Oleh kerana dia insisted.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:caveat itu tetap kekal, tetapi kalau dahulu kita tidak boleh pindah milik kerana caveat itu mesti remove dahulu dan bila hendak remove kita kena pergi High Court buat permohonan dan kemudian the other side boleh contest and all that. Jadi, sekarang ini boleh pindah milik subject to caveat yang sedia ada, apa bezanya Yang Berhormat, apa yang

takut sampai begitu sekali, pergi bercakap sampai pelabur asing and all that, apa relevannya ucapan Yang Berhormat tadi dengan yang kita ada ini.

Seorang Ahli: Dia tidak faham!

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya terpaksa jawab oleh kerana dia minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, tujuan caveat ialah untuk menentukan priority of interest, itu sahaja. Jadi, kalau kita over rights semua priority of interest itu, tidak mahu lagi tentukan siapa yang lebih ada priority of interest, ini bererti

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat berucap itu tidak kena itu. Tidak ada, tidak kena perkara itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan Yang Berhormat. Tafsiran Ahli Yang Berhormat itu tidak betul, kalau caveat itu ada, caveat interest itu tetap ada. Cuma pengurusan sahaja Danaharta ambil, caveat itu tetap ada, kepentingan

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya dengan segala hormatnya Machang dia sendiri tidak faham apa maksud caveat. [*Ketawa*] Oleh kerana maksudnya caveat ialah untuk menghalang segala urusan mengenai tanah itu kecuali yang telah didaftar sebelum caveat itu didaftar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak apalah Yang Berhormat, ada lagi yang hendak berucap? Sila berucap perkara yang lain pula ya, boleh atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, saya akan gulung Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Merapu!

Tuan Yunof Edward Maringking: Jangan sentiasa kata 'merapu', kita merapu dengan negara kita sekarang menghadapi masalah oleh kerana kita tidak datang ke Dewan ini untuk membincang masalah dengan serius, inilah masalahnya sekarang, semua Ahli Barisan Nasional mengharapkan bahawa segala-galanya okay, inilah masalahnya. Jadi, saya rasa kita jangan merapu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada yang berminat untuk membincang tentang implikasi undang-undang ini, saya rasa sampai di situ sahaja. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.01 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahar Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998.

Di sini saya ingin merujuk kepada Fasal 5C di mana adalah dicadangkan bahawa, dengan izin:

5C (2) *"The Minister may, with the approval of the National Land Council, by order notified in the Gazette of the Federation, make such amendments to the Fifteenth Schedule as he considers necessary, or expedient."*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di sini adalah satu jadual dan satu fasal, satu peruntukan undang-undang yang begitu penting dan saya tidak melihat mengapa dalam perkara ini pihak menteri boleh diberikan kuasa mutlak tanpa merujuk kepada Parlimen.

Saya ingin mencadangkan kalau perkara ini boleh dirujuk tanpa kepada Parlimen untuk membuat sebarang pindaan apabila kita melihat semua peruntukan yang dicadangkan mempunyai kesan impak yang begitu besar, bukan sahaja

kepada pemilik-pemilik tanah tetapi juga kepada kuasa-kuasa negeri ke atas tanah yang sedia ada.

Saya rasa perkara ini patutlah dibahaskan dahulu atau dibentangkan terlebih dahulu kepada Parlimen dan saya membantah dengan sekeras-kerasnya bahawa menteri dalam perkara ini mempunyai kuasa pula untuk membuat sebarang pindaan. Saya rasa untuk perkara yang begitu penting, yang menyentuh kuasa negeri, menyentuh hak-hak dan seperti yang sendiri dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa setiap negeri mempunyai peruntukan tanah yang tersendiri di mana ada perbezaan mengikut adat-adat ataupun mengikut peruntukan-peruntukan negeri terkhusus tersebut dan untuk membolehkan menteri membuat sebarang pindaan tanpa merujuk kepada Parlimen, saya rasa tidak akan memberikan peluang kepada rakyat ataupun wakil-wakil rakyat di sini untuk melahirkan pandangan dan juga perasaan risau tentang kesan dan impak negatif ekoran pindaan sedemikian.

Tadi dua rakan saya telah pun menimbulkan perasaan risau tentang apa yang berlaku, apakah kesan yang mungkin berlaku kalau Danaharta ini mempunyai kuasa yang penuh kerana apa yang kita tubuhkan sekarang ialah satu supranational agency iaitu yang merangkumi semua negeri. Buat masa kini hanya negeri tertentu mempunyai kuasa ke atas tanah-tanah di negeri tersebut tetapi sekarang Danaharta pula boleh menguruskan semua hal tanah di seluruh negara dan saya rasa itu adalah satu keadaan di mana Kerajaan Pusat pun tidak ada kuasa yang begitu luas dan saya rasa dalam keadaan yang sedemikian patutlah dalam apa-apa pindaan yang dicadangkan kita harus merujukkannya kepada Parlimen kerana itu bukanlah sesuatu perkara yang remeh-temeh, itu bukanlah satu perkara yang kecil, tetapi mempunyai kesan yang begitu besar ke atas semua, sama ada di Semenanjung Malaysia baik pun di Sabah dan Sarawak seperti yang disentuh tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu.

Di sini saya rasa kita pun tidak tahu sejauh manakah peranan yang akan dimainkan oleh Danaharta, apakah kebolehannya dalam pengurusan tanah sehingga mereka boleh menyetepikan peruntukan-peruntukan yang sedia ada ke atas hak-hak kepentingan mereka yang buat caveat dan sebagainya.

Di sini saya harap kita boleh dapat satu penjelasan dari pihak kerajaan, adakah mereka yang membuat satu caveat, yang lodge a caveat, kalau mereka boleh menunjukkan registrable interest, adakah hak mereka akan diketepikan dengan begitu sahaja atas alasan bahawa Danaharta sudah mengambil alih tanah mereka.

Saya harap penjelasan yang jelas, penjelasan yang terang boleh diberikan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana ini satu perkara penting, kalau seseorang yang ada registrable interest, dengan izin, tetapi oleh kerana bank menghadapi masalah untuk mengutip atau mendapat bayaran balik untuk hutang mereka, dijual pula kepada Danaharta dan Danaharta boleh jual, kalau kita lihat di sini boleh dijual dengan private treaty tanpa merujuk kepada mahkamah, adakah ini kesan, adakah ini makna atau tujuan jadual tersebut? Kalau inilah saya rasa itu akan memberikan kesan dan membuat banyak tuan tanah risau.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat baca betul-betul Jadual Kelima Belas ialah jadual baru yang diadakan. Saya rujuk Yang Berhormat kepada Jadual Kelima Belas 4(2) itu yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, apa yang akan berlaku ialah di para 2 kalau kita baca, faham ya, dengan izin:

4. (2) *Upon the registration of the transfer specified under subparagraph (1), the lienholder's caveat, private caveat or*

prohibitory order shall pass to and vest in Danaharta and shall be enforceable by or against Danaharta."

Ianya tidak akan menghilangkan hak pemegang caveat semua itu, cuma sekarang tindakan boleh dibuat oleh Danaharta ke atas Danaharta atau oleh Danaharta. Hak pemegang caveat tetap kekal.

Jadi, saya tidak nampak relevannya kerana Jadual Kelima Belas ini ialah Jadual yang membolehkan menteri boleh meminda ini. Jadual ini tidak ada dahulu, tetapi suatu Jadual baru yang diwujudkan dan hak pemegang caveat, hak pemegang lien semua tetap kekal, cuma instead of tindakan dahulu ke atas tuan punya asal, sekarang ialah ke atas Danaharta. Hak dia tetap ada di sisi undang-undang, yang saya faham ini.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang dan saya tahu beliau pakar tentang perkara perundangan, tetapi saya harap apa yang dinyatakan ini diamalkan oleh pihak kerajaan kerana kalau interpretation yang diambil adalah berlainan, kita yang di sini sebagai wakil rakyat, kita mesti memastikan hak-hak mereka yang ada registrable interest yang membuat caveat sebelum Danaharta mengambil alih hartanah tersebut masih kekal dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah dalam jawapan ini memberikan jaminan dalam perkara ini. Kerana kalau impaknya berlainan, saya rasa ini mempunyai kesan yang sangat besar, dengan izin, nullify semua caveat, nullify kesemua tuntutan yang dibuat sebelum itu.

Dan juga dalam Fasal 5 di mana saya rasa penjualan boleh dibuat menerusi private treaty, adakah peruntukan ini dibuat tanpa merujuk kepada mahkamah kerana sebelum ini kalau kita hendak jual sebarang hartanah, kita mesti mendapat permohonan dan kelulusan daripada mahkamah tetapi dalam perkara ini ia seakan-

akan, seolah-olah memberikan blank cheque kepada Danaharta untuk menguruskannya sama sekali dan ini saya rasa yang

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini saya tidak faham juga Yang Berhormat ini, kita ingat masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, semua urusan berhubung dengan Danaharta ini akan berlaku atas suka sama suka, itu kena faham prinsip itu. Dia tidak ada paksaan, siapa yang tidak mahu tidak apa, siapa yang mahu boleh, tetapi akan berlangsung atas prinsip suka sama suka. Jadi, tidak akan timbul soal hak tuan tanah itu terjejas dan sebagainya, orang yang tidak mahu tidak apa, itu prinsip asasnya ialah suka sama suka, willing party, itu prinsipnya. Jika suka sama suka apa yang kita sebagai orang luar ini yang hendak pertikaikan, kenapa kita hendak bimbang tanah ini terlepas kepada tangan orang ini, tangan orang itu, kerana prinsipnya ialah willing party, itu prinsip asasnya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak cadangkan mungkin lain kali Ahli Yang Berhormat dari Machang boleh drafkan fasal atau drafkan rang undang-undang ini kerana apa yang dinyatakan tadi, suka sama suka tidak ada dalam rang undang-undang ini langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada di situ, Fasal 5(2)(b) itu, cuba baca Fasal 5(2)(b).

Tuan Lim Guan Eng: 5?

Tuan Yang di-Pertua: 5(2)(b)!

Tuan Lim Guan Eng: Itu selepas.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Danaharta itu telah pun mendapat hak itu, ia boleh negotiate mana-mana purchaser.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, okay kalau kita lihat 5(1):

5.(1) *"For the purposes of Chapter 3 of Part Sixteen, Danaharta shall have, in addition to the to the remedies of a chargee, the option of exercising a sale by private treaty.*

(2) *In this paragraph -*

(a) *the chargee means "Danaharta"; and*

(b) *"private treaty" means negotiations between the chargee and the purchaser leading up to a contract of sale and purchase.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, that is right.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi di sini, itu sebab saya hendak dapat penjelasan, kalau ini dimaksudkan sebagai suka sama suka, tetapi saya tidak lihat dalam aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bimbang kalau itu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarlah beri menteri

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: 5(2)(b) itu Yang Berhormat.

Tuan Hai Noh bin Omar: 5(2)(b) Yang Berhormat, bacalah baik-baik.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: " *leading up to a contract of sale and purchase.*"

A contract of sale cannot be made unless and until a willing buyer and willing seller, willing parties, how can? Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kita tidak boleh membuat sesuatu contract of sale and purchase kalau tidak ada kedua-dua pihak bersetuju, ia tidak akan ada contract of sale kalau pihak-pihak tidak bersetuju. Di sini negotiation yang dimaksudkan di situ, makna private treaty itu. Private treaty maknanya ialah

negotiation (rundingan) di antara chargee (pemegang cagar) dan purchaser (pembeli), leading up to a contract of sale and purchase.

Contract of sale and purchase tidak akan wujud kalau tidak ada pihak yang bersetuju, macam mana Yang Berhormat hendak kata ada contract of sale kalau pihak-pihak tidak bersetuju? It is very clear.

Tuan Lim Guan Eng: Baik.

Tuan Haji Noh bin Omar: Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, sila beritahulah, semalam saya sudah tegur Yang Berhormat berucap, sama juga dengan point yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan semalam juga. Buang masalah!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak apalah Yang Berhormat, berucaplah jangan panjang sangat ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat penjelasan dalam perkara ini kerana kalau kita lihat hak-hak sebagai seorang chargor, kalau kita lihat sebagai sebuah bank sebelum ia diambil alih oleh Danaharta dan di sini untuk sebuah bank kalau mereka hendak uruskan penjualan harta untuk pinjaman yang mempunyai masalah, mereka tentu akan berunding dengan peminjam untuk menjualkan hartanah mereka.

Kalau kedua-dua pihak boleh sampai ke satu harga yang mereka rasa adalah munasabah bagi kedua-dua pihak, tidak mempunyai masalah tetapi di sini adakah dalam private treaty ini mereka akan membincang dengan pemilik tanah, itu yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, itu yang timbul kerana sekarang yang membelinya ialah Danaharta, apakah jaminan yang kita boleh berikan kepada tuan punya tanah dalam hal ini, kalau kita bercakap dengan first party charge, itu ialah pemilik juga

peminjam tetapi apa pula dengan mereka yang membuat third party charge, di mana peminjam bukanlah pemilik tanah.

Saya rasa itu membawa banyak isu yang perlu dijelaskan supaya jaminan yang sedia ada boleh diberikan kepada pemilik tanah dan saya ingin mendapat penjelasan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi meminta seperti yang saya sebutkan tadi, pentingnya bahawa perkara ini dibincang dengan mendalam kerana kalau kita lihat Kanun Tanah Negara yang sedia ada pun sungguhpun ada peruntukan-peruntukan tetapi banyak kali kerajaan negeri gagal menunaikannya, apatah lagi Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sebuah badan berkanun swasta yang ditakrifkan sebagai swasta.

Kalau kerajaan negeri, sebagai contoh di negeri Melaka, ambil alih tanah tetapi tidak dapat membayar pampasan, sehingga sekarang Kerajaan Negeri Melaka masih berhutang RM150 juta bayaran pampasan untuk tanah yang kerajaan negeri pun sudah ambil tetapi sehingga sekarang masih belum membayar pampasan itu kepada tuan tanah. Saya risau kalau kerajaan negeri mempunyai masalah sedemikian, apatah lagi badan berkanun swasta seperti Danaharta.

Saya harap perkara ini boleh diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri khususnya apa yang telah saya sebutkan tadi mungkin boleh membantu tuan-tuan tanah di mana tanah mereka telah diambil alih oleh kerajaan negeri tetapi masih belum mendapat bayaran pampasan, mungkin boleh pinjamkan wang kepada kerajaan negeri membolehkan mereka membayar kepada tuan tanah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah ambil bahagian dalam perbahasan ini terutama sekali kepada pembela-pembela kerajaan yang telah meringankan tanggungjawab saya menjawab dalam perbahasan ini. Sebenarnya sebagai seorang wakil rakyat yang bukan peguam, saya pun takut sedikit menjawab kerana takut memakai terminology yang tidak begitu tepat, tetapi saya berharap pembela-pembela seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Batang Lupar dan Machang akan datang menyelamatkan saya. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan menyatakan bahawa rang undang-undang ini memberi kuasa yang terlampau kepada Danaharta, beliau khuatir kuasa ini menjejaskan hak-hak pihak ketiga seperti diulangi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan beliau khuatir kuasa ini disalahgunakan dan sistem check and balance dihapuskan dan beliau pun berkata bahawa semua cadangan dalam rang undang-undang ini bertentangan dengan Sistem Torrens yang diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa rang undang-undang ini memberi keutamaan dan keistimewaan kepada Danaharta seperti saya berkata kelmarin. Danaharta diberi kelonggaran untuk meletakkan statutori atau statutory vesting dalam bahawa Inggeris dan juga untuk treaty persendirian atau private treaty, dengan izin. Kelonggaran-kelonggaran tersebut diperlukan untuk membolehkan Danaharta membeli NPL daripada bank-bank dan institutusi-institutusi kewangan, membeli NPL, menguruskan NPL dan aset tersebut untuk memaksimumkan nilai pemulihannya, menyuntik kecairan ke dalam sistem kewangan, dengan izin, inject liquidity into the financial system dan memulihkan ekonomi dengan secepatnya seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi berkata indeks pasaran saham sudah jatuh ke bawah 400 Moody's pun telah

menurunkan sovereign rating negara kita. Jadi ini bermakna keadaan ekonomi memerlukan tindakan yang segera dan Danaharta merupakan salah satu instrumen untuk memulihkan ekonomi dan perlulah diberi sokongan sebulatnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kelonggaran dicadangkan, ingin saya mengulangi kerana tadi dibangkit oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, hak-hak dan kepentingan pihak ketiga, misalnya hak pemegang caveat dan hak pemegang caveat lien tetap terpelihara. Danaharta mengambil alih sesuatu aset tertakluk kepada apa-apa kepentingan berdaftar dan tuntutan yang didedahkan.

Berkenaan dengan treaty persendirian yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan semalam, Danaharta tidak boleh menjual hartanah sewenang-wenangnya. Rang undang-undang ini menetapkan dengan jelas bahawa Danaharta mesti melupuskan hartanah tersebut berdasarkan nilai pasaran semasa.

Sekiranya pemilik hartanah tidak berpuashati, beliau boleh membawa Danaharta ke mahkamah. Jelaslah bahawa sistem check and balance, Tuan Yang di-Pertua, masih kekal diamalkan. Berkenaan dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun}*.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dia bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Saya habiskan dahulu kemudian saya beri peluang.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baik.

Dr. Goh Cheng Teik: Berkenaan dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan bahawa pindaan ini bertentangan dengan Sistem Torrens yang diamalkan, suka saya nyatakan ia tidak berasas. Pindaan-pindaan ini tidak menghakis konsep dan dasar yang terdapat dalam Sistem Torrens yang diamalkan dalam Kanun Tanah Negara. Pindaan-pindaan ini sekadar membolehkan apa yang selama ini terhalang dalam KTN diberi nafas baru. Sebagai contoh pindaan ke atas

private treaty misalnya memang telah lama diperlukan bagi mengatasi halangan dan kelambatan di bawah sistem lelong awam yang sedia ada seperti dihuraikan dengan jelasnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar dan saya menghargai pandangan beliau sebagai seorang wakil rakyat yang berkaliber dan pandangan beliau akan diberi perhatian berat oleh pegawai-pegawai di Kementerian Tanah.

Melalui pindaan ini kita hanya membenarkan Danaharta diberi kelonggaran tersebut walaupun konsep private treaty ini telah lama diamalkan oleh bank-bank dan peguam-peguam secara tidak langsung. Pindaan-pindaan ini memberi peraturan-peraturan tertentu yang menjadikan undang-undang tanah kita sentiasa hidup dan bergerak mengikut perkembangan semasa bagi kepentingan negara.

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan juga membangkitkan beberapa soalan yang tertentu....

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan..

Dr. Goh Cheng Teik:tentang bayaran cukai....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dr. Goh Cheng Teik: ... beliau sebutkan ianya tidak mempengaruhi dalam pendaftaran perletakhakan mana-mana tanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dr. Goh Cheng Teik:namun demikian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Saya minta maaf, izinkan saya jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak apa Yang Berhormat, tetapi saya terpaksa ingatkan Yang Berhormat kerana ada yang bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau tidak beri jalan, teruskan.

Dr. Goh Cheng Teik: Terima kasih. Namun demikian, tuan punya tanah bertanggungjawab menentukan bayaran dijelaskan. Tentang cukai setem dan Real Property Gains Tax ini adalah tertakluk kepada undang-undang yang berasingan yang berkuatkuasa masa kini.

Berhubung dengan surat wakil kuasa atau power of attorney, seksyen 17 Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad memperuntukkan agar perletakhakan pemilikan kepentingan atau cagaran termasuk surat wakil kuasa hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar Tanah. Oleh yang demikian, perakuan perletakhakan untuk surat wakil kuasa akan diserahkan kepada Mahkamah Tinggi dan Pejabat Tanah yang berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dr. Goh Cheng Teik: Saya tidak layan, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Guan Eng: Tadi sudah janji, apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, Teluk Intan, dia tidak beri jalan.

Dr. Goh Cheng Teik: Perletakhakan bagi Danaharta tidak memerlukan perintah mahkamah kerana perletakhakan ini dibuat di bawah seksyen 415 dan bukan di bawah seksyen 420 KTN. Perletakhakan kepada Danaharta akan dijalankan dengan berhati-hati dan akan berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

- (i) Danaharta mesti berpuas hati bahawa telah wujud kontrak jual beli aset di antara Danaharta dan penjual aset, sama ada didalilkan oleh satu salinan kontrak tersebut atau dalil lain yang memuaskan;
- (ii) perakuan perletakhakan ini mesti dikeluarkan di bawah meterai syarikat Danaharta dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Pengarah Urusan atau Pengerusi atau Pengarah Urusan dan seorang Pengarah lain. Semua Pengarah adalah dilantik oleh kerajaan;
- (iii) prosedur keselamatan dalaman yang ketat serta akses terhad kepada perakuan-perakuan perletakhakan;
- (v) perakuan ini akan meletakkan aset tersebut kepada Danaharta yang merupakan sebuah syarikat milik kerajaan; dan
- (vi) apabila Danaharta melupuskan aset itu kelak, pembeli aset perlu mendapatkan kelulusan badan kawal selia yang berkaitan menurut peraturan-peraturan yang berkuasa.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, sila.

Tuan M. Kulasegaran : Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nombor satu mengenai pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan nafas yang baru akan diberi dengan membawa peruntukan-peruntukan tertentu ini. Saya ingin hendak tahu, nombor satu mengenai private treaty yang terkandung di 5(2)(b) Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan sebelum ini bahawa private treaty akan ada check and balance kerana saya ingat pada pandangan saya di muka surat 5 yang mengatakan, dengan izin, *“And provided further that the price to be paid by the purchaser is the market value of the land or lease prevailing at the time of the sale.”* Jadi ini adalah in Bill yang Timbalan Menteri maksudkan tetapi yang saya hendak katakan saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Menteri sedia tahu bahawa undang-undang yang sedia ada iaitu private treaty perlu mendapat kebenaran Mahkamah Tinggi Malaya

sebelum sesuatu harta itu dijual? Apakah sebab peruntukan ini tidak tertakluk kepada itu? Nombor satu. Nombor dua, kalau undang-undang ini adalah lebih baik dari yang sedia ada, kenapa kementerian tidak membawa peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk mengubah undang-undang yang sedia ada.

Pada pandangan saya, ini adalah untuk menyenangkan Danaharta untuk menjalankan sesuatu yang mereka suka tanpa mendapat kebenaran Mahkamah Tinggi.

Kedua, mengenai Capital Gains Tax. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya Capital Gains Tax akan dibayar oleh Danaharta atau pemilik yang sedia ada dan jikalau harta itu tidak cukup untuk membayar Capital Gains Tax siapa yang akan membiayainya dan bila transfer atau menukar milik. Adakah Danaharta terikat membayar stamp duty?. Itu sahaja.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan atau peruntukan untuk merujuk ke Mahkamah Tinggi. Ingin saya menjelaskan bahawa seperti saya kata tadi, pindaan ini memberi kelonggaran kepada Danaharta untuk membantu negara kita menghadapi krisis yang serius. Jadi itulah sebab kita memberi kelonggaran kepada Danaharta supaya tidak perlu merujuk kepada Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun hak ketiga mengenai caveat, jadi semuanya haruslah dihormati oleh Danaharta. Tentang Capital Gains Tax seperti yang saya katakan tadi, ini tertakluk kepada undang-undang yang berasingan yang berkuatkuasa pihak pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang dan juga Klang yang membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh pentadbiran tanah.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Nanti, bila saya sampai kepada ucapan beliau saya akan bagi peluang.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat sudah selesaikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:Yang Berhormat sabar, dia akan beri peluang.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, peka kepada keperluan kawasan dan masalah yang mereka bangkitkan mengenai proses pewujudan tanah wakaf dalam kawasan tanah rizab Melayu, pembahagian tanah pusaka dan pembangunan tanah pertanian yang telah diwarisi untuk penggunaan yang lain seperti perumahan, pemberi milik tanah yang sudah diduduki tanpa kebenaran yang sah oleh setinggian daripada pihak berkuasa negeri. Kebenaran untuk menggadai tanah dari pihak berkuasa negeri, isu-isu dan teguran-teguran Yang Berhormat akan diberi perhatian yang berat oleh kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Klang juga sebutkan tentang komputer, ingin saya jawab secara ringkas kerana beliau membangkitkan bahawa sistem pentadbiran tanah berkomputer telah berjalan sejak 1985 dan sistem tanah berkomputer telah beroperasi sejak 1993 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perlis telah mula diperkembangkan kepada negeri-negeri Pahang, Terengganu dan Kedah sejak tahun 1998.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya amat bimbang mengenai tempoh untuk mendapat satu-satu consent, tempoh ini sepatutnya tiga bulan, kita sudah boleh dapat tetapi kadang-kadang kita tunggu sampai lima, enam bulan belum tentu dapat. Yang sebenarnya saya sudah bagi contoh ada kadang-kadang kita terpaksa batalkan pinjaman bank kerana terlampau lama mendapat consent. Jadi semalam saya ada mencadangkan adakah

pihak Kementerian Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan bahawa tempoh untuk mendapatkan consent ini hanya dalam tempoh tiga bulan sahaja. Kalau dalam tempoh tiga bulan, tidak dapat apa-apa jawapan dari pihak berkuasa negeri maka kita menganggap bahawa consent itu boleh diluluskan. Saya kaitkan perkara ini kerana saya tertarik dengan cadangan yang diberikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai sijil kelayakan pun masalah yang sama, terlalu lama menunggu sijil kelayakan sebab itu Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mencadangkan supaya diberi tempoh dua minggu sahaja. Dua minggu mohon CF kalau tidak ada kelulusan dianggap tidak ada apa-apa masalah atau tidak ada apa-apa jawapan, maka CF itu boleh dianggap telah diluluskan. Bilakah Kementerian Yang Berhormat juga akan mengikut apa yang telah dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam tempoh mendapatkan consent ini?.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang kerana memberi cadangan yang membina, ini menunjukkan bermakna bahawa beliau mengambil berat masalah-masalah kawasan beliau. Sebenarnya pagi ini, saya telah pun berbincang cadangan Yang Berhormat dengan pegawai-pegawai saya di pejabat KPTG dan kami ingin membawa cadangan ini ke mesyuarat PTG-PTG Semenanjung Malaysia untuk perbincangan selanjutnya.

Tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, perkara-perkara yang beliau bangkitkan lebih eloklah dibahaskan dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun Kementerian akan memberi perhatian kepada hujah-hujah yang beliau kemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memberi satu ucapan yang agak berpolitik dan di sinilah ingin saya menyeru kepada pembangkang supaya

bekerjasama dengan kerajaan menghadapi krisis sekarang. Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur jatuh ke paras 14, ini merupakan satu hari yang sedih bagi kita. Moody's turunkan sovereign rating tanah air, ini merupakan perkembangan yang sedih. Jadi kita haruslah bekerjasama oleh yang demikian, kerajaan berpendapat bahawa satu langkah yang penting ialah menyelesaikan masalah non-performing loan dengan izin, back loan dengan izin, atau NPL dan itulah sebab Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dibentangkan di Dewan ini dan sekarang Rang Undang-undang Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan). Jadi saya berharaplah bahawa dalam keadaan yang begitu serius ini kita kurangkan politik dan kita memberi lebih tumpuan kepada masalah tanah air.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar telah memberi banyak cadangan saya rasa eloklah saya mengucapkan terima kasih kerana pandangan-pandangan beliau semasa Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dibentangkan, ini diambil kira oleh kerajaan dan pandangan beliau tentang beberapa perkara kami pun akan mengambil berat, kerana selepas undang-undang ini diluluskan jadi butir-butir haruslah diberi perhatian berat.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah saya ingin memberi jawapan, memberi jaminan bahawa tanah adat dan tanah rizab Melayu tetap dipelihara dan semua sekatan ini kekal dan haruslah dihormati oleh mana-mana pihak jua.

Kubang Kerian menyatakan bahawa beliau kluatir tanah dijual kepada pihak asing selepas diambil alih oleh Danaharta. Ingin saya menjelaskan bahawa Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad menyediakan langkah-langkah kawalan ke atas pelupusan aset atau tanah oleh Danaharta. Fasal 19(2) menetapkan bahawa pembeli aset termasuk tanah daripada Danaharta mesti diluluskan oleh badan kawal selia yang berkaitan, contohnya Jawatankuasa Pelaburan Asing dan pihak berkuasa negeri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan pandangan-pandangan beliau akan diberi perhatian oleh Kementerian saya. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyoal kenapa dalam Rang Undang-undang ini Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi diberi kuasa untuk memindah Jadual ke-15 tanpa dirujuk kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, seperti disebutkan dalam Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi tidak berkuasa sendiri meminda Jadual sekiranya perlu. Beliau diperlukan mendapat persetujuan Majlis Tanah Negara, dan inilah amat sesuai kerana tanah adalah di bidang kuasa negeri dan dalam Majlis Tanah Negara semua negeri diwakili dalam majlis itu, termasuk negeri Kelantan. Dan selepas pindaan ini Yang Berhormat Menteri perlu menggazetkan pindaan ini dan sekiranya perlu Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membawa atau bangkit perkara ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, Kerajaan Barisan Nasional memang merupakan satu kerajaan yang berpengalaman dan juga bertanggungjawab dan oleh kerana keadaan memerlukan tindakan yang segera dan sekiranya apa-apa peruntukan dalam Jadual ini perlu dipinda, jadi kita anggap bahawa cara ini paling sesuai. Ingin saya meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa tiada niat untuk mengetepikan Parlimen dalam perkara ini. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga tanya tentang caveat sama ada caveat dengan izin, boleh di 'nullify', dan Ahli Yang Berhormat dari Machang tadi pun sudah jawab bahawa tidak boleh semua larangan haruslah diambil kira oleh Danaharta, walaupun Danaharta melalui perletakan hak statutory atau statutory vesting mengambil alih charge tersebut. Beliau pun ada tanya tentang private treaty sama ada Danaharta kalau buat jualan melalui private treaty perlu Danaharta bincang dengan pemilik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini mencadangkan bahawa Danaharta selepas mengambil alih charge daripada bank perlu memberi notis selama satu bulan kepada charger. Sekiranya charger tidak bayar balik pinjaman, Danaharta diberi kuasa untuk runding dan menjual aset itu atau hartanah itu berdasarkan kepada nilai pasaran, dan sebelum penjualan itu ditandatangani pihak charger masih boleh redeem tanah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuaran bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking : Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tanya tentang private treaty ini mengenai kedudukan third party charge, saya harap Yang Berhormat faham apa dia 'third party charge'. Jadi andainya harta ini telah diambil alih Danaharta, kemudian kalau ada lebih need to proceed the sale for example, dengan izin, siapakah yang akan mendapat lebih itu, adakah Danaharta ataupun pemilik asal tanah itu? Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang amat teknikal dan saya minta kebenaran Dewan ini supaya memberi jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat 'gentleman', dan di sini saya ingin bertanya kerana tadi saya ada meminta Yang Berhormat menjelaskan kalau dalam private treaty perlukah Danaharta meminta kelulusan daripada mahkamah sebelum meluluskan sebarang penjualan.

Di sini kalau kita cakap private treaty atau mengenai istilah yang tadi disebut oleh seorang Ahli Parlimen itu suka sama suka, tapi di sini hanyalah di antara Danaharta dan pembeli. Tetapi adakah dalam rundingan untuk menjualkan harta-harta tersebut termasuk juga pemilik tanah, kerana kita memang tahu dalam

pinjaman ada keadaan first party charge, di mana peminjam adalah juga pemilik tanah.

Yang pertama, adakah rundingan akan dibuat kepada tuan tanah itu? Kalau tidak mendapat kelulusan oleh tuan-tuan milik tanah, macam mana kita boleh adakan keadaan suka sama suka atau private treaty, dan lagi pun dalam keadaan third party charge di mana peminjam bukanlah pemilik tanah, pemilik tanah adalah orang lain, pihak ketiga. Dalam keadaan sedemikian adakah rundingan atau kebenaran diperolehi dari mereka, kalau tidak mengikut undang-undang yang sedia ada itu charger mesti mendapat kelulusan daripada mahkamah, mesti membuat permohonan High Court untuk menjual tanah tersebut, tapi dalam keadaan sekarang semacam tak payah membuat permohonan dari mahkamah boleh jual terus. Inilah yang kita bimbang kerana ini merupakan satu keadaan undang-undang yang baru this is making a new law, dan dalam keadaan sedemikian saya rasa ia mempunyai impact yang sangat besar, oleh itu saya harap Yang Berhormat boleh menjelaskan perkara ini .

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi keadaan ekonomi memerlukan Danaharta diberi kelonggaran dan salah satu kelonggaran ialah dalam treaty persendirian, dalam jualan melalui treaty persendirian tidak perlu merujuk kepada mahkamah. Tetapi seperti saya jelaskan tadi haruslah memberi notis yang cukup dan haruslah menjalankan penjualan mengikut dasar pasaran nilai pasaran.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa

Tuan Lim Guan Eng: Sekali sahaja. Ini penting kerana boleh jual tanah tanpa merujuk ke mahkamah penting, ini sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia belum beri jalan

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta sekali sahaja.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi keadaan memerlukan kelonggaran ini..

Tuan Lim Guan Eng: Tapi tak boleh...

Dr. Goh Cheng Teik : ... dan saya ingin yakinkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Danaharta merupakan badan kerajaan dan Pengerusi dan Pengarah Danaharta ini dilantik oleh kerajaan. Kami sedar bahawa Danaharta diberi kelonggaran, diberi keistimewaan dan saya mintalah Dewan yang mulia ini supaya berwaspada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti sekejap

Dr. Goh Cheng Teik: Saya tidak beri jalan sekiranya berlaku salahguna kuasa oleh Danaharta, jadi pegawai-pegawai Danaharta itu tertakluk kepada undang-undang. Saya berharaplah Ahli-Ahli Yang Berhormat berwaspada dan sekiranya melihat ada penyelewengan, ada salah guna kuasa, bangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan. Jangan lari ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang kesan atau kita sebut hanya dari segi financial implication kita cakap dari segi illegal implications, ekoran pindaan yang dibuat terutama sekali selepas memperkenalkan Jadual 5 khususnya Fasal

4, 5, 6, 7 & 8. Kita belum sempat sampai kepada Power of Attorney, Rights of Adjourney, Rights of a Chargee, juga caveat of prohibitory order shall not prevent a transfer. Di sini saya ingin tanya apakah jaminan, apakah legal safeguards yang boleh kita pastikan kepada tuan milik tanah yang sedia ada. Kerana tadi Yang Berhormat Dewan menyatakan bahawa penjualan kalau kita sebut satu contoh, sungguhpun Yang Berhormat menyatakan bahawa dari segi hak-hak pihak ketiga apabila mereka membuat caveat kepentingan mereka akan masih wujud dan terjamin, tetapi untuk tuan milik tanah di mana tanah mereka ataupun hutang mereka telah pun dijual kepada Danaharta. Kalau Danaharta hendak lakukan, hendak laksanakan mereka boleh menjualkan tanah tersebut tanpa membuat permohonan kepada mahkamah seperti mana yang diamalkan sekarang. Itu adalah satu pindaan, atau satu perubahan perundangan yang amat besar sekali dan di sini saya ingin tanya apakah legal safeguard, apakah jaminan yang wujud, kerana kalau saya tak silap fahaman yang diberikan oleh Ahli-Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional pun bahawa mereka mesti membuat rujukan kepada mahkamah.

Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi bahawa tak payah rujuk mereka boleh jual terus kerana keadaan kegawatan ekonomi yang begitu teruk Danaharta mesti mempunyai kuasa yang begitu luas tanpa dirujuk ke mahkamah. Kalau selepas dijual kita rujuk ke mahkamah macam mana kita dapat tanah itu balik, macam mana kita boleh membetulkan keadaan kalau itu dianggap salah dan di sini saya harap penjelasan yang lebih jelas, yang lebih mendalam yang lebih terperinci diberikan kerana ini adalah satu perubahan undang-undang yang amat besar, yang mempunyai impact yang amat besar, sebelum itu bank tak ada kuasa sedemikian, tetapi apakah keistimewaan yang diberikan kepada Danaharta sehingga - adakah mereka pakar tanah, pakar penilaian tanah, apakah keistimewaan mereka, sehingga mereka boleh ketepikan peruntukan perundangan yang sedia ada tentang pengurusan tanah.

Dan ini saya rasa memberi kesan impact yang amat besar dan kalau ia disokong oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional sungguhpun sebelum itu mereka anggap ia masih serupa ini menunjukkan bahawa Ahli Parlimen Barisan Nasional hanya sokong buta sahaja. Tak boleh itu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana kita boleh luluskan sesuatu, membuat pindaan yang begitu besar apabila penjualan tanah

oleh chargee boleh dibuat tanpa dirujuk kepada mahkamah. Boleh dijual begitu saja. Mana itu ada konsep suka sama suka, mana ada konsep itu mutual consent, tak wujud langsung, itu boleh dibuat sesuka hati -

dengan sewenang-wenangnya oleh pihak yang berkenaan. Kalau ikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, sekiranya pihak pemilik tidak berpuas hati dengan penjualan hartanah melalui treaty persendirian, beliau boleh bawa Danaharta ke mahkamah.

Tuan M. Kulasegaran : [*Bangun.*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Teluk Intan

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, nombor satu, mengenai Seksyen yang dicadang, Seksyen 5(c) nampaknya ia terkena kepada Kanun Tanah Negara. adakah ia ada kena mengena dengan strata title dan hak-hak di sana dan macam mana strata title tertakluk kepada, oleh kerana ini adalah kena mengena dengan tanah juga, adakah ia dikecualikan, adakah satu undang-undang baru digubalkan. Nombor dua, mengenai private treaty yang dibangkitkan oleh Kota Melaka. Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa satu nafas yang baru diberi, saya percaya perkara ini tidak diberi pandangan yang teliti. Kerana undang-undang yang sedia ada mewajibkan sesiapa yang ingin menjual harta melalui private treaty mendapat kebenaran mahkamah tinggi, tetapi dengan sekali gus, satu perlindungan yang diberi kepada pemilik harta di negara ini telah dihapuskan.

Apa sebab, apakah rasionalnya. Kalau sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa oleh kerana Danaharta merupakan satu perkara yang mustahak semasa kegawatan ekonomi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin memberitahu kepada rakyat Malaysia bahawa oleh kerana kegawatan ekonomi yang disebabkan oleh Barisan Nasional pemilik-pemilik tanah di negara ini hak mereka tidak penting lagi? Mereka mendapat beban ini dan hak mereka luput sama sekali. Adakah ini yang dimaksudkan? Kalau kita katakan kita perlu segerakan ada lagi masa bill ini perlu pergi ke Senate dan sebagai. Jadi

cadangan yang diberikan oleh kerajaan tidak boleh diterima dan saya harap satu polisi akan diberi dengan teliti kepada Dewan yang mulia ini kerana esok hari apabila perkara ini dibawa ke mahkamah, kita akan merujuk kepada ‘*Hansard*’.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kawan saya dari Machang yang tidak nampak pada masa sekarang - yang sangat fasih dan mengatakan ada beberapa kriteria - kawan-kawan saya katakan ‘kononnya fasih’ yang

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan hanya boleh menghadkan apa yang Yang Berhormat hendak bangkitkan itu kepada Fasal 1 hingga 4 sahaja dan bukannya hendak komen atau mengulas ucapan orang lain, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Tambi jangan merapulah!

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat balik kepada Fasal yang berkenaan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju tetapi oleh kerana saya terpaksa mengatakan apa yang dikatakan oleh Kota Melaka dan sebagainya kalau tidak saya akan ‘repeat’kan apa yang ...lebih kurang kena mengena. Jadi untuk pendekkan dan menolong Dewan yang mulia ini mempercepatkan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu saya tidak kira. Setahu saya sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan M. Kulasegaran: Saya setuju. Saya merujuk kepada 4(2)(2) dengan izin, “*Upon the registration of the transfer specified under subparagraph (1), the lienholder’s caveat, private caveat or prohibitory order shall pass to and vest in Danaharta and shall be enforceable by or against Danaharta*”. Ini pada pandangan saya dan mengatakan makna ‘transfer’ itu terhad selepas itu di (3) “*For the purposes of this paragraph “transfer” means*”, inilah yang kita tertangkap kerana kalau kita baca makna ‘transfer’ di sana:

- “(a) *where the land or lease has been vested in Danaharta and is subject to a lienholder’s caveat, such caveat shall be deemed to have been withdrawn*”. Apa maknanya?;
- (b) *where the charge has been vested in Danaharta and the land is subject to a private caveat, Danaharta will have the benefit of such claim under the caveat*”. Apa makna ini?;
- (c) *where the land or lease has been vested in Danaharta and is subject to a prohibitory order, Danaharta shall have the benefit of such order*”.

Dengan sekali gus makna ‘transfer’ diberi makna yang terkandung di sini dan bukannya makna yang selalu dan biasa digunakan. Kalau kita ikut makna “transfer” di sini bermakna pemilik harta tidak ada hak lagi apabila harta itu telah ditukar milik kepada Danaharta. Hangus sekaligus dan ini sangat serius....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat dari Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat. Hendak minta penjelasan atau hendak berucap?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, Tuan Pengerusi, apa yang lawyer bimbang apabila pemindahan harta ini tidak boleh pergi mahkamah dan dia takut dia tidak ada kerja nanti. Apakah itu tujuannya?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, ini pendapat politik dan tidak ada kena mengena. Ini adalah hak rakyat yang kita mustahakkan. Bila kita membawa kes-kes ke mahkamah dan kalau kita tengok balik kepada sejarah judicial system kita yang Torrens System yang datang dari Australia - ia ada inbuilt protection system yang nampaknya oleh kerana perkara yang aneh dan baru yang dicadangkan ini tidak memberi perlindungan kepada hak milik tanah. Ini yang kita

khuatir. Jadi sebagai Ahli Parlimen dan Wakil Rakyat lebih-lebih lagi sebagai peguam perlu memastikan apa yang dicadangkan di sini Barisan Nasional akan menghadapi perkara ini. Bila perkara seperti ini dibawa ke mahkamah kita akan tunjuk dengan jari kita bahawa Barisan Nasional yang menyebabkan perkara seperti ini.

Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dalam Fasal-fasal itu tidak ada politik kepartian Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Seorang Ahli: Jangan merapulah ini.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi ini satu ... dan saya berpendapat ini satu definisi yang dikatakan sangat ketat dan memberikan satu definisi kepada “transfer” yang sangat tidak mempedulikan hak milik harta.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ini adalah satu cadangan yang sangat - saya ingat kalau perkara ini telah mendapat pandangan daripada peguam-peguam saya rasa di Jadual Kelima Belas, 6. *“A power of attorney in favour of a seller which before the vesting date was duly registered under Chapter 5 of Part Eighteen shall be read and construed as a reference to and proof of a power of attorney given to Danaharta, upon production of a vesting certificate to the Registrar or as a reference to a power of attorney given to the acquiree upon production of a transfer certificate to the Registrar”.*

Tuan Pengerusi, saya merasa sangat hairan dengan apa yang dinyatakan di sini. Menunjukkan jika power of attorney telah sedia ada dan apa yang ternyata di power attorney tidak ada makna lagi tetapi dengan satu undang-undang ini

memberi hak kepada Danaharta menggunakan benefit power attorney itu untuk membuat atau menukar milik tanah. Ini menunjukkan bahawa tidak menghirau langsung pemilik tanah yang sedia ada dari segi undang-undang. Perkara itu patut dirujuk ke mahkamah dan Mahkamah Tinggi tidak akan memberi kebenaran langsung kepada perkara-perkara seperti ini. Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu apakah hajat dan motif dan apa-apa mischief di sini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya berbeza pandangan dengan Tuan Pengerusi, sebelum ini yang mengatakan bahawa Jadual Kelima Belas, 8., dengan izin saya baca, *“Any caveat or prohibitory order which was registered, endorsed or entered prior to a vesting shall not prevent a transfer of any registered interest or the registrable interest or other right or entitlement whatsoever stipulated in the vesting certificate or transfer certificate, as the case may be”*. Dengan ini sekali gus menunjukkan pertama, makna kalau saya faham betul, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa apabila pindahmilik ‘caveat’ dan ‘prohibitory order’ dan sebagainya tertakluk tetapi kalau kita baca ini berbeza. Adakah ini tersalah berada di sini dan bukannya ia bertentangan dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Dewan yang mulia ini. Nampaknya ini satu rang undang-undang yang luar biasa kerana dengan jelas

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya memang hendak beri peluang kepada Yang Berhormat untuk berbahas. Tetapi nampaknya Yang Berhormat bercakap dasar itu. Yang Berhormat boleh.....

Tuan M. Kulasegaran: Ini semua rang undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:bangkitkan mana-mana satu fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini sepertimana yang saya pesan tadi. Tetapi Yang Berhormat nampaknya pergi jauh sangat. Kalau dasar, cakaplah dasar. Tadi saya sudah beri peluang yang cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Saya sudah ucap semalam, Tuan Pengerusi. Saya tidak ada apa-apa...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya tak perasanlah itu. Tetapi yang saya hendak tegaskan di sini, sekarang ini Yang Berhormat hanya boleh mengkhususkan ucapan Yang Berhormat kepada mana-mana fasal yang berkenaan, perkataan yang mungkin hendak dibangkitkan. Itu sahaja, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, with the highest respect, kalau saya katakan....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ataupun minta penjelasan mengenai peruntukan ataupun fasal yang berkenaan.

Tuan M. Kulasegaran: Saya minta penjelasan makna Fasal 8 ini adalah bertentangan dengan apa yang sedia tertulis di sana. Saya baca ada bertentangan, dan apa yang dikatakan pada waktu dasar Timbalan Menteri telah mengatakan caveat or prohibitory order dan sebagainya subject to transfer, tetapi nampaknya di sini tidak. Pandangan yang diberi dengan apa yang tertulis di sini adalah sangat berbeza. Jadi, saya perlukan satu penjelasan yang teliti sebelum kita memberi pandangan yang lain. Mungkin apa yang tertulis di sini nampaknya perlu diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin dapat memberi atau menukar pandangan beliau yang beliau telah kata di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat, satu demi satu.

Tuan Yunof Edward Maringking: Dia mahu jawab sekarang.

Tuan M. Kulasegaran: After that.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan yang bertanya sama ada tanah milik termasuk hak milik strata, jawapannya ialah ya. Berkenaan dengan private treaty dalam keadaan biasa memang memerlukan kebenaran mahkamah. Dengan pindaan ini Danaharta diberi hak tersebut tanpa kebenaran mahkamah. Tetapi kedudukan pemilik masih dikekalkan di bawah Fasal 5 rang undang-undang ini.

Berkenaan dengan perkara 4(3), ingin saya, dengan izin, menjawab bahawa 'lienholder's caveat is withdrawn' means that Danaharta has already by mutual consideration as in Form 1(B)A, bought over the lien and now becomes the lienholder, the same with the caveat and prohibitory order.

Tentang Fasal 8 adalah ikutan kepada Fasal 4 di mana form 1(B)A perlu dipatuhi oleh Danaharta.

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Teluk Intan bangun hendak minta penjelasan atau apa?

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan. Tuan Pengerusi, sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa Fasal 8 ini tertakluk kepada Fasal 4. Ia tidak tertulis di sini, tetapi hanya bacaan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menghuraikan kepada Dewan yang mulia ini, di mana Fasal 8 ini yang menunjukkan ia tertakluk kepada Fasal 4. Macam mana saya rasa registrable interest dapat dihurai, saya hairan. Bolehkah satu penjelasan dibuat?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, saya bukan seorang peguam, dan jawapan yang saya beri adalah disediakan oleh Penasihat Peguam Kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuaran.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya perlu minta penjelasan beberapa perkara yang saya rasa penting. Semasa berucap di peringkat dasar tadi saya tidak dapat kemukakan beberapa perkara, saya rasa ini amat penting diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut konsep Danaharta dan juga undang-undang ini ialah sekali gus Danaharta bukan lagi sebagai chargee, tetapi pemilik tanah oleh kerana sudah diambil alih keseluruhannya, bukan sahaja hutang dari bank tetapi juga hakmilik tanah itu ataupun harta sudah diambil oleh Danaharta. Jadi, persoalannya ialah pertama, siapakah yang mengurus tentang pelelongan tanah itu nanti. Adakah pihak Danaharta akan meminta pentadbir tanah melelong tanah itu bagi pihak Danaharta? Dalam pada itu dia juga chargee ataupun pemegang cagaran.

Mengikut undang-undang yang ada pada kita, pemegang harta itu bukan pemegang cagaran. Mengikut seksyen 3 ataupun Schedule nombor 4(2) iaitu apa sahaja interest atau lienholder, dengan izin, akan “shall be enforceable by or against Danaharta.” Jadi, bagaimanakah ini boleh berlaku, oleh kerana tanah sudah milik dia, dan kepada siapa lagi dia mahu enforce. Misal kata kalau chargor dahulu, dia tidak beli. Jadi, saya rasa ini satu penjelasan yang perlu dibuat oleh pihak kementerian, dan yang lebih penting lagi ialah saya sudah katakan tadi kalau pentadbiran tanah ini tidak diperhaluskan, penguatkuasaan pindaan ini nanti ataupun apa-apa peruntukan di sini lebih menyulitkan dan ia akan defeat the purpose, dengan izin, untuk mempercepatkan urusan oleh Danaharta dan ia akan menimbulkan pelbagai masalah yang lebih merumitkan lagi keadaan ekonomi kita.

Jadi, saya mintalah bagaimanakah pelaksanaan ini boleh menyenangkan, sedangkan pelaksanaan tanah ataupun penjualan tanah masih dijalankan oleh pemegang atau pentadbir tanah. Sekarang sudah dicampur aduk, pemilik tanah pun dia juga - Danaharta, pemilik cagaran pun dia juga. Jadi, bilakah notis akan timbul dan kepada siapakah notis itu akan disyaratkan. Itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran atas pandangan beliau. Jawapan yang disediakan bagi saya ialah tiada kaitan dengan lelongan lagi kiranya Danaharta memilih option untuk mengadakan private treaty.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Teluk Intan bangun lagi.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, sebelum ini saya telah menimbulkan jadual mengenai power of attorney, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mendapat jawapan daripada pegawai beliau. Yang saya tanya motif apakah sebab-sebab ia ada satu peruntukan yang luar biasa dari segi undang-undang. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, pindaan kepada Kanun Tanah Negara ini adalah untuk memberi kesan kepada peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta. Oleh itu perenggan 8 dalam Jadual Kelima Belas hanyalah untuk membolehkan pelaksanaan seksyen 14(3) dalam Rang Undang-undang Danaharta. Tidak ada percanggahan di antara keduanya.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kedua-dua sekali, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ya, Tuan. *[Yang Berhormat dari Tuaran duduk]* Tidak apa, dia beri peluang.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, sebenarnya sebelum ini saya telah menunjukkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah mendapat jawapan yang sebelum ini. Yang saya tanya adalah nombor (6) power of attorney. Saya telah membangkitkan perkara itu, apakah hajat dan apakah motif mengadakan perkara ini.....

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran: Sekejap, sekejap peminat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang dia bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Boleh, sekejap biar saya habis dahulu.

Tuan Yunof Edward Maringking: Dia tidak boleh memberi penjelasan bagaimana, ya Menteri boleh beri penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sekarang sudah dalam peringkat Jawatankuasa, dia bahas....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, boleh minta penjelasan kepada Teluk Intan ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Teluk Intan, ini dalam committee stage *[Disampuk]* Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Ha? Ini dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Boleh, Yang Berhormat .

Tuan Haji Noh bin Omar: Boleh!

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Sebab dia yang berucap tadi.

Tuan Haji Noh bin Omar: Betul, Yang Berhormat yang sedang berucap.
[Disampuk][Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat Tuan, jangan buat andaian ataupun buat interpretasi sendiri sebab Yang Berhormat Teluk Intan diberi peluang untuk berucap tadi dan sesiapa pun boleh minta penjelasan, minta laluan. Itu sebabnya saya beri peluang kepada Teluk Intan.

Seorang Ahli: Buang sama dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Eh, kepada Tanjong Karang bukan kepada Teluk Intan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya minta penjelasan Yang Berhormat dari Teluk Intan kata rang undang-undang ini luar biasa. Memanglah undang-undang ini luar biasa daripada undang-undang yang telah sedia ada sebab ini undang-undang baru kalau Yang Berhormat hendak berbahas macam dalam mahkamah, it is not tugas Parlimen untuk kita interpret the law, let the court interpret the law. Kita membuat undang-undang dan ini satu....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cuma boleh soal dia sahaja.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak tanyalah ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Boleh soal tetapi jangan ulas.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan tadi Yang Berhormat kata undang-undang ini luar biasa dari biasa, apa maksud Yang Berhormat ini. Yang Berhormat menyatakan tadi rang undang-undang ini luar biasa daripada yang biasa, apa maksud Yang Berhormat mengatakan undang-undang ini luar biasa. *[Disampuk]* Saya hendak minta penjelasan. Jawab.

Tuan M. Kulasegaran: Saya ingat Tanjong Karang tidak berapa serius. Yang kita debatkan di sini hari ini menunjukkan satu perkara yang luar biasa di

mana kali pertama dalam sejarah Kanun Tanah Negara di mana hak pemilik sengaja tidak dimustahakkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya kena perjelaskan sedikit. Yang Berhormat, nanti dahulu. Saya rasa soal jawab semacam ini tidak ada kesudahannya. Lagi pun ini boleh dirangkumkan sebagai cakup dasar. Elok kita balik kepada Fasal yang berkenaan. Kalau Yang Berhormat tidak ada yang lain hendak cakap, saya akan beri peluang kepada yang lain.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Tuan. Nanti dahulu Yang Berhormat. *[Kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar]* tetapi yang saya hendak ingatkan Yang Berhormat apa sahaja yang telah dibangkitkan tadi itu janganlah diungkit-ungkitkan kembali.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akur, Tuan Pengerusi. Hanya satu perkara yang saya perlu penjelasan. Tadi saya minta penjelasan tentang right of chargee. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata pada prinsip undang-undang ini tidak ada chargee lagi oleh kerana Danaharta akan ambil alih. Persoalannya di sini jelas bahawa Danaharta itu akan menjadi chargee juga, jadi dia pasti akan menjual juga harta-harta yang dimilikinya. Jadi, bagaimana dia kata tidak ada chargee lagi dan kalaulah tidak ada chargee lagi, ini bererti pihak Danaharta telah mengambil semua harta itu sudah menjadi milik kerajaan, bagaimana ini boleh dikatakan tidak ada chargee lagi. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri peluang kepada Batang Luparkah? Boleh beri dan jawab serentak kemudian tidak apa.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya hampir 20 minit mendengar cerita Teluk Intan dengan Tuaran. Macam orang tidak baca, tidak baca buku ini [*Menunjukkan buku Rang Undang-Undang Kanun Tanah Negara*] tidak baca daripada nombor 5(1) itu sampai habis nombor 6 tidak baca. Kalau kita habis baca dekat sini, undang-undang ini memang unik kepada undang-undang ini sendiri. Apabila vesting order sudah beri semua harta benda itu diletakkan di Danaharta termasuk chargenya, term of memorandum, charge kita beri dengan Danaharta. Itu the right of the chargee dibuat di nombor 6. You tidak fahamkah, dengar dahulu orang bercakap. Jadi, bila semua hak land owner terletak kepada Danaharta, jadi any right orang yang hendak tuntutan di bawah charge ataupun di bawah Kanun Tanah itu terletak kepada Danaharta di masa itu. Jadi, you tidak fahamkah sedikit sahaja ini. Jadi, perkara yang sedikit-sedikit dia putar-belit, pusing sana sini, jadi semua orang sudah tidak faham lagi, itulah sebabnya menanggung di air yang keruh cari benda-benda supaya orang confuse. Jadi, saya cadang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah jawab ini, jawapan semua ada dekat sini. [*Sorak*] Dia tidak faham, dia buat orang lain tidak faham. Di sini saya cukup faham benda ini ditukar dengan Danaharta dan Danaharta pegang sebagai chargee on this by virtual of this law, kalau vesting boleh diberi statutorily boleh juga chargee itu statutorily vested to Danaharta. Kenapa pula tidak boleh, tidak fahamkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, sekali lagi menyelamatkan keadaan. Terima kasih. [*Disampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat .

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.
Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Ke Arah Fungsi PEMADAM Yang Berkesan

6.30 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, ke arah fungsi PEMADAM yang berkesan. Pesta dadah terbesar di dunia yang berlaku di Cheras pada awal tahun 60-an dipandang sebelah mata oleh pihak kerajaan. Walaupun ramai menegur dan mengingatkan bahaya yang boleh mengancam kesejahteraan dan kestabilan negara, trend sikap durjana itu dalam segala hal masih bermaharajalela sehingga kini. Korban penagihan dadah sejak mula sehingga sekarang iaitu 30 tahun sama ada yang telah meninggal dunia

ataupun masih hidup tidak kurang daripada 1.5 juta orang. Mungkin dalam tempoh 50 tahun lagi setengah daripada penduduk Malaysia adalah penagih dadah, ini bermakna bilangan penagih dadah tidak pernah menurun tetapi semakin bertambah setiap minit dan saat. Ancaman terhadap generasi muda akibat penagihan dadah jelas semakin meningkat. Tanpa tujuan menghina tidak keterlaluan jika dikatakan negara kita hanya mampu melahirkan generasi bangkai bernyawa.

Tuan Yang di-Pertua, kita menghargai peranan PEMADAM tetapi malangnya PEMADAM sendiri semakin padam kerana peranannya yang terbatas dan terpinggir. Keyakinan terhadap PEMADAM semakin terhakis kerana rakyat melihat PEMADAM seolah-olah tidak wujud sama sekali akibat sumbangannya yang tidak berkesan tetapi untuk membebankan segala masalah atau kesalahan kepada PEMADAM tentulah tidak akan menyelesaikan masalah.

Peningkatan status dan kuasa PEMADAM memang perlu dan sudah sampai masanya iaitu patut diinstitusikan sekurang-kurangnya seperti fungsi dan peranan Badan Pencegah Rasuah. Tanpa usaha sedemikian saya bimbang seperti yang telah disebutkan di atas mungkin lebih separuh rakyat Malaysia telah menjadi penagih dadah dalam tempoh tertentu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri diminta jawab.

6.33 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang sedia maklum, PEMADAM adalah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dengan aktiviti-aktiviti masa kininya tertumpu kepada pencegahan penggunaan dadah dalam masyarakat dan juga pemulihan lanjutan kepada penagih-penagih yang memerlukan. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan adalah merupakan sokongan. PEMADAM sendiri

mempunyai struktur organisasi yang boleh merancang dan melaksanakan program dan kegiatan pencegahan dadah pada tiga peringkat iaitu peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Dari sudut tiga pergerakan tersebut, maka peranan dan operasi PEMADAM adalah dianggap menyeluruh dan meluas di seluruh negara. Tidak dinafikan bahawa dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya, PEMADAM dengan sifatnya yang merupakan satu badan amal dan sukarela ada kalanya menghadapi batasan-batasan dalam melaksanakan peranan dan skop kegiatannya. Perkara ini amat dirasakan terutama sekali apabila ada keterbatasan dari segi kewangan untuk membiayai program-program yang dirancang. Disamping itu, kurangnya ahli-ahli yang benar-benar boleh bertindak untuk memberikan tenaga sukarela yang berterusan dan mantap juga menjadi penghalang.

Satu perubahan baru yang dibuat untuk memperkukuhkan status dan menambahkan lagi kuasa PEMADAM di peringkat daerah ialah dengan meminda Perlembagaannya iaitu pegawai daerah sendiri secara automatik menjadi Pengerusi PEMADAM Daerah. Dengan perubahan dan pelantikan serupa ini, maka struktur dan fungsi PEMADAM di peringkat daerah boleh berada dalam keadaan berkemampuan melaksanakan program dan kegiatan pencegahan dadah yang berterusan dan mantap. Dari segi kerja-kerja pencegahan awal dalam bentuk gerakan kesedaran, pendidikan pencegahan, kempen penerangan dan sebaran maklumat yang strategik, latihan tenaga para kaunselor dan sukarelawan pembantu PEMADAM mempunyai program dan sistem pelaksanaan yang meluas dan menyeluruh. Walau bagaimanapun, yang belum memadai dan kurang berkesan adalah kurangnya golongan sukarelawan yang gigih dengan sifat ketahanan yang berterusan untuk menjalankan kerja-kerja seliaan lanjutan.

Tuan Yang di-Pertua , berkenaan dengan cadangan supaya PEMADAM diinstitusikan supaya menjadi serupa dengan Badan Pencegah Rasuah, sukacita dimaklumkan bahawa di peringkat kementerian juga kita ada Agensi Dadah

Kebangsaan yang biasanya tugasnya adalah memulihkan penagih-penagih dadah dan kita mempunyai satu wawasan iaitu menjelang tahun 2023 iaitu 25 tahun lagi kita berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara tidak lagi bergantung kepada dadah iaitu sebuah negara tanpa dadah. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Parlimen dan Kerajaan Tidak Membenarkan Lawatan Rasmi Oleh
Inter-Parliamentary Union ke atas Pencerobohan Hak Asasi
Manusia Ahli-ahli Parlimen Malaysia**

6.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perkara tentang keengganan pihak kerajaan untuk membenarkan lawatan rasmi yang dipohon oleh Inter-Parliamentary Union ke Malaysia untuk menyiasat satu perkara berkaitan dengan pencabulan hak asasi manusia Ahli Parlimen di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, Malaysia adalah ahli kepada Pertubuhan Inter-Parliamentary Union dan di antara tugas-tugas sebagai ahli Inter-Parliamentary Union ialah untuk memenuhi usul-usul dan ketetapan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung IPU. Di sini ada satu Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan untuk menjamin dan memastikan hak asasi manusia Ahli-ahli Parlimen semasa menjalankan tugas mereka sebagai seorang Ahli Parlimen terpelihara.

Di sini adalah dikesali bahawa sungguhpun pihak kerajaan menjadi ahli penuh dalam Inter-Parliamentary Union semua usul yang telah diluluskan tidak dihormati oleh pihak Kerajaan Malaysia. Baru-baru ini ada satu permohonan oleh IPU bahawa mereka dibenarkan membuat satu lawatan rasmi. Sungguhpun permohonan ini ataupun permintaan ini telah disampaikan secara peribadi, secara langsung kepada rombongan IPU Malaysia yang menyertai Persidangan IPU dan dipersetujui oleh ketua rombongan tersebut iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Ibrahim Saad tetapi apabila permohonan rasmi diberikan, ia telah ditolak oleh kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang menyokong prinsip Demokrasi Berparlimen dan juga sebagai ahli penuh kepada IPU, kita harus memberikan satu contoh

dan teladan yang baik bahawa negara kita mengamalkan demokrasi tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kalaulah rombongan rasmi yang diketuai oleh seorang Timbalan Menteri boleh memberikan satu jaminan membuat persetujuan tetapi apabila diminta untuk melaksanakan janji tersebut ditolak sama sekali. Saya rasa itu bukanlah sikap dan pendirian sebuah negara yang boleh berbangga dengan pendirian sebagai sebuah negara demokrasi. Oleh sebab itu adalah diharapkan bahawa kalau kita hendak memastikan ataupun hendak meyakinkan orang ramai dan juga di luar negara bahawa kita mempunyai budaya demokrasi yang betul-betul wujud dan tulen, adalah diharapkan bahawa kita 'cakap serupa bikin' dan memenuhi janji-janji yang dibuat kepada IPU. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.40 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka amat mengelirukan. Yang Berhormat telah merujuk kepada hasrat Inter-Parliamentary Union untuk membuat satu lawatan ke Malaysia kononnya bertujuan untuk menyiasat pencerobohan hak asasi manusia Ahli-ahli Parlimen Malaysia. Sebenarnya, tidak ada permohonan secara rasmi yang dikemukakan oleh IPU bagi tujuan ini. Sebaliknya permohonan yang telah dikemukakan oleh IPU ialah supaya IPU melawat Malaysia untuk menyiasat kes yang dihadapi oleh Yang Berhormat sendiri. Oleh itu bukan sahaja soalan yang dibangkitkan itu tidak tepat tetapi memberi gambaran yang tidak benar sama sekali.

Yang Berhormat ada merujuk kepada rombongan IPU Malaysia pergi ke sana dan di dalam proses itu ada pertanyaan mengatakan bahawa mereka ingin melawat Malaysia dan saya faham bahawa jawapan yang dibuat oleh ketua rombongan ialah kita terbuka untuk lawatan itu tetapi saya sebagai Presiden IPU sehingga hari ini pun menunggu permintaan daripada mereka dan sehingga hari ini kita dari pihak kerajaan tidak menerima permintaan itu. Sebab itu saya kata permintaan rasmi tidak ada dan kita tidak menafikan memang betul ketua rombongan memang mengatakan kita terbuka untuk

mereka datang tetapi sehingga ke hari ini tidak ada permintaan rasmi untuk melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka hendak datang, mereka boleh datanglah, mereka tidak perlu visa untuk datang ke negara kita dan kalau mereka datang sebagai IPU tidak perlu hendak menunggu jemputan daripada kita, kalau mereka hendak datang, mereka boleh datang. Jadi sebab itu saya hendak menyatakan di sini bahawa pihak kerajaan tidak menerima permintaan secara rasmi daripada IPU antarabangsa untuk melawat Malaysia.

Yang keduanya, Yang Berhormat sendiri tahu iaitu kita mengamalkan separation of powers, di mana mahkamah itu adalah bebas, independent of Judiciary. Kes ini masih lagi dalam rayuan dan tidak kena bagi kita untuk membuat sesuatu yang boleh dinampakkan sebagai untuk mencampuri hal mahkamah, kalau tidak nanti akan dibangkitkan di dalam Parlimen ini juga, tidak ada independent Judiciary, maknanya kalau kita boleh membuat sesuatu untuk mencampuri hal mahkamah bermakna memang benarlah seperti tuduhan orang bahawa kita ada mencampuri hal kehakiman. Oleh sebab itu kita tidak boleh buat perkara ini kerana Judiciary adalah bebas dan mereka boleh buat keputusan mereka tanpa dicampuri oleh kerajaan. Lagi pun oleh kerana kes ini dalam rayuan, saya fikir bahawa tidak kena untuk kita membuat sesuatu sehingga satu keputusan muktamad dibuat oleh mahkamah dalam kes ini.

Berhubung dengan tuduhan Yang Berhormat bahawa Malaysia tidak menghormati prinsip demokrasi dan hak asasi manusia kerana tidak membenarkan lawatan IPU tersebut, ianya juga bukan sahaja memberi gambaran yang tidak benar tetapi ia sama sekali tidak saling berkait. Sekiranya benar tidak ada demokrasi di Malaysia, saya pun tidak fikir Yang Berhormat boleh bangkitkan kes ini dalam Dewan yang mulia ini sebab itu ada demokrasi, saya pun tidak fikir bahawa kalau tidak ada demokrasi macam mana pilihanraya kecil Arau BN boleh kalah. Ini semua menunjukkan bahawa ada demokrasi di negara ini. Jadi tidak boleh bangkitkan perkara ini seolah-olah untuk menunjukkan bahawa kita tidak menghormati demokrasi dan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai prinsip demokrasi dan hak asasi manusia pula, ingin saya menegaskan bahawa Malaysia berpegang teguh dan mengamalkan prinsip-

prinsip ini yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia sendiri. Kerajaan sedar bahawa tahun ini adalah Ulangtahun ke-50 Pengisytiharan Sejagat Mengenai Hak Asasi Manusia. Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sebarang aktiviti khusus di peringkat nasional apatah lagi di dalam kegawatan ekonomi yang dialami oleh kerajaan sekarang ini. Selain daripada itu pegangan kita kepada hak asasi manusia bukan diukur dari segi sama ada kita membuat sambutan ataupun tidak bagi ulangtahun ini tetapi dari segi amalan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 17(4), Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.